



27 Disember 2019
27 December 2019
P.U. (A) 373

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

*FEDERAL GOVERNMENT
GAZETTE*

PERATURAN-PERATURAN CAP DAGANGAN 2019

TRADEMARKS REGULATIONS 2019

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA CAP DAGANGAN 2019
PERATURAN-PERATURAN CAP DAGANGAN 2019

SUSUNAN PERATURAN

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Peraturan

1. Nama dan permulaan kuat kuasa
2. Tafsiran
3. Fi ditetapkan

BAHAGIAN II
PENDAFTARAN CAP DAGANGAN

Penggal 1

Kebolehdaftaran cap dagangan

4. Tanda yang tertakluk kepada penolakan pendaftaran atas alasan mutlak
5. Kriteria cap dagangan terkenal
6. Penggunaan cap dagangan dalam internet

Penggal 2

Permohonan pendaftaran

7. Permohonan pendaftaran
8. Permohonan mempercepat pemeriksaan
9. Gambaran cap dagangan
10. Tuntutan keutamaan
11. Pengelasan barang-barang atau perkhidmatan
12. Terjemahan dan transliterasi

13. Penafian sukarela
14. Ketidapatuhan yang menyentuh permohonan pendaftaran cap dagangan
15. Permohonan alasan keputusan Pendaftar
16. Pembayaran balik fi di bawah seksyen 13 Akta

Penggal 3

Pemeriksaan permohonan pendaftaran

17. Maklum balas pemohon semasa pemeriksaan
18. Penyetujuteraan dan penyiaran permohonan
19. Pembatalan penyetujuteraan

Penggal 4

Penarikan balik permohonan, sekatan barang-barang atau perkhidmatan yang diliputi dalam permohonan dan pindaan permohonan

20. Penarikan balik atau sekatan permohonan pendaftaran cap dagangan
21. Sekatan barang-barang atau perkhidmatan yang diliputi dalam permohonan selepas penyiaran
22. Pindaan permohonan selepas penyiaran

Penggal 5

Bangkangan

23. Pemfailan notis bangkangan
24. Pemfailan pernyataan balas
25. Keterangan bagi menyokong bangkangan
26. Keterangan bagi menyokong permohonan pendaftaran cap dagangan
27. Keterangan balas oleh pembangkang
28. Keterangan lanjut
29. Permohonan penafian sukarela semasa prosiding bangkangan
30. Penghujahan bertulis
31. Pelanjutan masa prosiding bangkangan

32. Hal keadaan yang bangkangan boleh diteruskan atas nama orang lain
33. Keputusan Pendaftar dalam prosiding bangkangan
34. Kos bagi bangkangan yang tidak ditentang

Penggal 6

Penangguhan

35. Penangguhan pemeriksaan atau prosiding bangkangan

Penggal 7

Pendaftaran

36. Perakuan pendaftaran
37. Kematian pemohon sebelum pendaftaran
38. Pendaftaran siri cap dagangan

BAHAGIAN III

PEMBAHAGIAN ATAU PENGGABUNGAN

39. Pembahagian daripada permohonan pendaftaran cap dagangan
40. Kesan pembahagian permohonan pendaftaran cap dagangan
41. Pembahagian pendaftaran cap dagangan
42. Kesan pembahagian pendaftaran cap dagangan
43. Penggabungan permohonan atau pendaftaran berasingan
44. Kesan penggabungan

BAHAGIAN IV

DAFTAR CAP DAGANGAN

45. Catatan dalam Daftar mengenai butir-butir cap dagangan berdaftar
46. Pindaan atau penggantian pengelasan barang-barang atau perkhidmatan
47. Bangkangan terhadap cadangan

BAHAGIAN V
PENGUBAHAN, PEMBETULAN DAN PEMOTONGAN SUKARELA CAP DAGANGAN
BERDAFTAR

48. Permohonan untuk mengubah cap dagangan berdaftar
49. Permohonan untuk membetulkan Daftar
50. Permintaan pemotongan sukarela cap dagangan berdaftar atau pendaftaran berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan tertentu

BAHAGIAN VI
PEMBATALAN ATAS ALASAN KETIADAAN PENGGUNAAN ATAU KETIDAKSAHAN
DAFTAR OLEH MAHKAMAH

51. Permohonan kepada Mahkamah
52. Perintah Mahkamah

BAHAGIAN VII
CAP KOLEKTIF DAN CAP PERAKUAN

53. Pemfailan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan
54. Pemfailan pindaan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan
55. Bangkangan terhadap pendaftaran cap kolektif atau cap perakuan
56. Pindaan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan berdaftar
57. Bangkangan pindaan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan

BAHAGIAN VIII
KETERANGAN DAN TATACARA

58. Akuan berkanun

BAHAGIAN IX
PELANJUTAN MASA

59. Permintaan bagi pelanjutan masa

BAHAGIAN X
CAP DAGANGAN ANTARABANGSA DI BAWAH PROTOKOL MADRID

Penggal 1

Am

60. Tafsiran

Penggal 2

Permohonan antarabangsa yang dimulakan di Malaysia

61. Kelayakan untuk memohon pendaftaran antarabangsa
62. Pemeriksaan permohonan antarabangsa jika Malaysia ialah Pejabat asal
63. Perakuan oleh Pendaftar
64. Ketidakteraturan yang dibangkitkan oleh Biro Antarabangsa
65. Pengelasan barang-barang atau perkhidmatan permohonan antarabangsa
66. Pemberitahuan kepada Biro Antarabangsa mengenai penghentian kesan permohonan asas atau pendaftaran asas

Penggal 3

Pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia

Subpenggal 1

Perkara permulaan

67. Kelayakan untuk perlindungan

- 68. Kesan pendaftaran antarabangsa atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia
- 69. Keutamaan

Subpenggal 2

Pemeriksaan pendaftaran antarabangsa

- 70. Pemeriksaan pendaftaran antarabangsa
- 71. Penyiaran

Subpenggal 3

Prosiding bangkangan bagi pendaftaran antarabangsa

- 72. Notis bangkangan
- 73. Masa untuk menghantar pernyataan balas
- 74. Prosiding bangkangan lanjut
- 75. Pemberitahuan penolakan

Subpenggal 4

Perlindungan

- 76. Perlindungan terpakai kepada cap dagangan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia
- 77. Perlindungan diperluas kepada pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia, sebagaimana dibetulkan
- 78. Perlindungan

Subpenggal 5

Pembahagian dan penggabungan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia

- 79. Pembahagian pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia
- 80. Pembahagian cap dagangan antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia

81. Kehendak bagi permohonan pembahagian
82. Pendaftar hendaklah mengemukakan permohonan bagi pembahagian kepada Biro Antarabangsa
83. Kesan pembahagian pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia
84. Kesan pembahagian pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia
85. Penggabungan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau cap dagangan antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia
86. Kehendak bagi permohonan penggabungan
87. Pendaftar hendaklah mengemukakan permohonan bagi penggabungan kepada Biro Antarabangsa

Subpenggal 6

Pembetulan

88. Pendaftar boleh memeriksa pembetulan pendaftaran antarabangsa
89. Jika Pendaftar berpendapat kehendak peraturan 67 tidak lagi dipenuhi
90. Jika Pendaftar berpendapat kehendak peraturan 67 dipenuhi
91. Notis bangkangan bagi pembetulan
92. Pemberitahuan penolakan pembetulan

Subpenggal 7

Pembatalan dan ketidaksahan

93. Pembatalan dan ketidaksahan
94. Perlindungan muktamad
95. Perakuan kesahan

Subpenggal 8

Pengimportan barang-barang cap dagangan yang melanggar

96. Sekatan ke atas pengimportan barang-barang cap dagangan yang melanggar

Subpenggal 9

Kesalahan

97. Kesalahan

Subpenggal 10

Perkara-perkara lain

98. Pembaharuan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia
99. Pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia dan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia sebagai objek harta
100. Pelesenan
101. Catatan dalam Daftar Antarabangsa
102. Perisytiharan bahawa pertukaran pemunyaan dalam suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia tidak mempunyai kesan di Malaysia
103. Perisytiharan pengedaran barang-barang atau perkhidmatan dalam pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia tidak mempunyai kesan di Malaysia

Penggal 4

Transformasi pendaftaran antarabangsa menamakan Malaysia dalam permohonan negara

104. Permohonan transformasi
105. Tarikh pendaftaran cap dagangan yang didaftarkan menurut permohonan transformasi
106. Tatacara permohonan transformasi

Penggal 5

Penggantian pendaftaran oleh pendaftaran antarabangsa

107. Kesan pendaftaran antarabangsa jika cap dagangan juga didaftarkan di bawah Akta

Penggal 6

Peruntukan pelbagai

108. Komunikasi maklumat kepada Biro Antarabangsa

BAHAGIAN XI

EJEN

109. Daftar Ejen Cap Dagangan
110. Pendaftaran ejen
111. Pekongsian dan pertubuhan perbadanan boleh didaftarkan sebagai ejen
112. Pemotongan pendaftaran akibat kegagalan memperbaharui pendaftaran ejen
113. Pemotongan pendaftaran ejen
114. Pendaftar boleh menolak untuk mengiktiraf ejen

BAHAGIAN XII

PELBAGAI

115. Perakuan oleh Pendaftar
116. Penentusahan Pendaftar
117. Dokumen rahsia

BAHAGIAN XIII
PERUNTUKAN PEMBATALAN, KECUALIAN DAN PERALIHAN

- 118. Tafsiran
- 119. Pembatalan
- 120. Kecualian dan peralihan

JADUAL PERTAMA

JADUAL KEDUA

JADUAL KETIGA

AKTA CAP DAGANGAN 2019

PERATURAN-PERATURAN CAP DAGANGAN 2019

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 75 dan 162 Akta Cap Dagangan 2019 [*Akta 815*], Menteri membuat peraturan-peraturan yang berikut:

BAHAGIAN I
PERMULAAN

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Peraturan-peraturan ini bolehlah dinamakan **Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 2019**.

(2) Peraturan-Peraturan ini mula berkuat kuasa pada 27 Disember 2019.

Tafsiran

2. Dalam Peraturan-Peraturan ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“ejen” ertinya seorang ejen cap dagangan berdaftar yang namanya dicatatkan dalam Daftar Ejen Cap Dagangan;

“Jurnal” ertinya Jurnal Rasmi Harta Intelek yang disiarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 148 Akta; dan

“permohonan transformasi” ertinya suatu permohonan untuk mendaftarkan suatu cap dagangan jika cap dagangan itu adalah hal perkara suatu pendaftaran antarabangsa sebelum pendaftaran antarabangsa itu dipotong.

Fi ditetapkan

3. (1) Fi yang kena dibayar di bawah Peraturan-Peraturan ini adalah sebagaimana yang ditetapkan dalam Jadual Pertama dan berkenaan dengan pendaftaran antarabangsa dalam Jadual Kedua.

(2) Fi yang telah dibayar tidak boleh dibayar balik kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dalam peraturan 16.

BAHAGIAN II

PENDAFTARAN CAP DAGANGAN

Penggala 1

*Kebolehdaftaran cap dagangan***Tanda yang tertakluk kepada penolakan pendaftaran atas alasan mutlak**

4. (1) Pendaftar hendaklah menolak untuk mendaftarkan suatu cap dagangan jika cap dagangan itu mengandungi atau terdiri daripada mana-mana tanda yang berikut atau suatu tanda yang hampir serupa dengan mana-mana tanda itu atau yang berkemungkinan disalah anggap sebagai tanda itu, melainkan jika berhubung dengan perenggan (*m*), (*n*), (*o*) dan (*p*) kebenaran orang atau pihak berkuasa yang berhak untuk memberikan kebenaran telah diperoleh bagi penggunaan tanda itu bagi maksud pendaftaran dan penggunaan cap dagangan itu:

- (a) perkataan "Untuk melancang ialah pemalsuan", "Cap Dagangan Berdaftar", "Cap Perkhidmatan Berdaftar", atau apa-apa perkataan yang mempunyai kesan yang sama dalam apa-apa bahasa;
- (b) perkataan "Bunga Raya" dan gambaran bunga raya atau apa-apa tiruan yang kutaha;
- (c) gambaran bagi atau perkataan yang merujuk Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Pemimpin Negeri atau apa-apa tiruan yang kutaha;

- (d) gambaran apa-apa istana diraja atau apa-apa bangunan yang dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri atau mana-mana kerajaan asing atau apa-apa tiruan yang kutaha;
- (e) perkataan "ASEAN" dan gambaran logo ASEAN atau apa-apa tiruan yang kutaha;
- (f) perkataan "*Red Crescent*" atau "*Geneva Cross*";
- (g) gambaran *Red Crescent*, *Geneva Cross* dan salib lain, yang berwarna merah atau apa-apa gambaran warna yang hampir serupa;
- (h) perkataan "*Swiss Federal Cross*", dan gambaran *Swiss Federal Cross* dalam warna putih atau perak dan berlatar merah, atau warna yang hampir serupa;
- (i) gambaran yang merujuk "lambang kebangsaan" sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Lambang Kebangsaan (Kawalan Mempamer) 1949 [Akta 193];
- (j) gambaran yang merujuk "lambang ternyata" sebagaimana yang ditakrifkan dalam seksyen 2 Akta Lambang dan Nama (Mencegah Penggunaan Tak Wajar) 1963 [Akta 414];
- (k) gambaran, atau moto bagi atau perkataan yang merujuk lencana atau tanda yang digunakan untuk menunjukkan seseorang itu ialah seorang anggota Pasukan Polis sebagaimana yang diperuntukkan di bawah seksyen 89 Akta Polis 1967 [Akta 344];
- (l) gambaran, atau moto bagi atau perkataan yang merujuk bintang, lencana atau lambang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Angkatan Tentera 1972 [Akta 77];

- (m) nama, parap dan bendera, dan gambaran bagi nama, parap dan bendera, mana-mana organisasi antarabangsa atau negara Konvensyen termasuk mana-mana bandaraya, kawasan pilihan raya bandaran, bandar atau tempat di negara Konvensyen;
- (n) lambang kebangsawanan, lambang kebesaran, darjah kebesaran kesateriaan, bintang kehormatan atau bendera, atau gambaran lambang kebangsawanan, lambang kebesaran, darjah kebesaran kesateriaan, bintang kehormatan atau bendera, mana-mana negara Konvensyen termasuk mana-mana bandaraya, kawasan pilihan raya bandaran, bandar atau tempat di negara Konvensyen;
- (o) nama, parap atau logo, atau gambaran nama, parap atau logo, mana-mana pertubuhan, pertubuhan perbadanan atau institusi; dan
- (p) rupa gambar mana-mana orang, sama ada hidup atau mati.

(2) Berhubung dengan perenggan 1(g) dan (h), jika ternyata pada cap dagangan yang pendaftarannya dimohon, suatu gambaran bulan sabit atau salib dalam apa-apa warna yang bukan dinyatakan dalam perenggan (1)(g) dan (h), Pendaftar boleh menghendaki pemohon, sebagai syarat penyeterujuteraan, mengaku untuk tidak menggunakan logo bulan sabit atau salib dalam warna merah, atau putih atau perak dan berlatar merah, atau dalam apa-apa warna atau warna-warna yang hampir serupa.

Kriteria cap dagangan terkenal

5. Pada menentukan sama ada suatu cap dagangan terkenal di Malaysia, Pendaftar atau Mahkamah hendaklah mengambil kira kriteria yang berikut:

- (a) takat cap dagangan itu diketahui atau dikenali oleh sektor yang berkaitan dalam kalangan orang awam;

- (b) tempoh dan takat, dan kawasan geografi yang di dalamnya, cap dagangan itu digunakan;
- (c) tempoh dan takat promosi barang-barang atau perkhidmatan yang baginya cap dagangan itu terpakai dan kawasan geografi yang di dalamnya promosi itu diadakan;
- (d) tempoh dan tempat pendaftaran, atau tempoh dan tempat permohonan pendaftaran, cap dagangan itu, pada takat yang menggambarkan tahap cap dagangan itu digunakan atau dikenali;
- (e) rekod penguatkuasaan hak cap dagangan yang berjaya, khususnya, yang menggambarkan tahap cap dagangan itu dikenali oleh pihak berkuasa kompeten; dan
- (f) nilai yang dikaitkan dengan cap dagangan itu.

Penggunaan cap dagangan dalam internet

6. (1) Pada menentukan penggunaan suatu tanda atau cap dagangan, Pendaftar atau Mahkamah hendaklah mengambil kira peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan ini dan Syor Bersama.

(2) Dalam peraturan ini, "Syor Bersama" ertinya Syor Bersama Mengenai Peruntukan Perlindungan bagi Cap, dan Hak Harta Perindustrian Lain Tanda, di Internet yang diterima pakai pada Siri Mesyuarat yang Ketiga Puluh Enam bagi Sidang Ahli Negara-Negara Anggota Pertubuhan Harta Intelek Dunia pada 24 September hingga 3 Oktober 2001.

Penggala 2

*Permohonan pendaftaran***Permohonan pendaftaran**

7. (1) Suatu permohonan pendaftaran suatu cap dagangan termasuk siri cap dagangan hendaklah difailkan dengan Pendaftar disertai pembayaran fi ditetapkan.

(2) Seorang pemohon, semasa memfailkan permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah memberikan—

- (a) suatu petunjuk yang jelas berkenaan sifat cap dagangan itu;
- (b) gambaran secara grafik cap dagangan itu; dan
- (c) bagi cap dagangan yang berhubungan dengan warna, pengehadan warna cap dagangan itu.

Permohonan mempercepat pemeriksaan

8. (1) Pemohon bagi pendaftaran cap dagangan boleh, kecuali bagi cap kolektif, cap perakuan dan tanda iaitu warna, bunyi, bau, hologram, kedudukan atau urutan pergerakan, meminta Pendaftar, disertai pembayaran fi ditetapkan, untuk mempercepat suatu pemeriksaan.

(2) Suatu permintaan untuk mempercepat suatu pemeriksaan hanya boleh dibuat kepada Pendaftar atas alasan yang berikut:

- (a) permintaan itu adalah demi kepentingan negara atau awam;
- (b) terdapat prosiding pelanggaran yang sedang berjalan atau keterangan yang menunjukkan kemungkinan pelanggaran berkenaan dengan cap dagangan yang dipohon; atau

- (c) pendaftaran cap dagangan adalah syarat untuk mendapatkan faedah kewangan daripada Kerajaan atau institusi yang diiktiraf oleh Pendaftar.

(3) Setiap permintaan untuk mempercepat pemeriksaan boleh dibuat dalam permohonan yang sama berkenaan dengan barang-barang atau perkhidmatan dalam lebih daripada satu kelas disertai pembayaran fi ditetapkan.

Gambaran cap dagangan

9. (1) Pemohon hendaklah memberikan gambaran secara grafik cap dagangan yang jelas dan tahan lama dalam ruang yang disediakan bagi maksud itu dalam permohonan pendaftaran cap dagangan itu.

(2) Jika Pendaftar semunasabahnya percaya bahawa gambaran yang diberikan oleh pemohon itu tidak mencukupi untuk menunjukkan butir-butir cap dagangan itu atau tidak membolehkan semua ciri-ciri cap dagangan itu diperiksa dengan sepatutnya, Pendaftar boleh, melalui penolakan sementara, menghendaki pemohon itu untuk memberikan dalam apa-apa tempoh yang dinyatakan oleh Pendaftar dalam penolakan sementara itu, apa-apa atau semua yang berikut:

- (a) gambaran lain cap dagangan yang terdiri daripada satu sudut pandangan cap dagangan itu atau beberapa sudut pandangan yang berbeza cap dagangan itu;
- (b) perihalan cap dagangan itu yang dinyatakan dalam perkataan;
- (c) apa-apa maklumat lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Pendaftar.

(3) Pendaftar boleh pada bila-bila masa, melalui penolakan sementara, jika tidak berpuas hati dengan apa-apa gambaran cap dagangan itu, menghendaki pemohon untuk memfailkan gambaran lain yang memuaskan hati Pendaftar sebelum memeriksa permohonan itu, dan pemohon hendaklah memfailkan kepada Pendaftar suatu permohonan untuk meminda permohonan pendaftaran cap dagangan itu, disertai pembayaran fi ditetapkan, untuk menggantikan gambaran itu.

(4) Jika pemohon gagal untuk memberikan maklum balas penolakan sementara, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik.

Tuntutan keutamaan

10. (1) Jika hak keutamaan dituntut disebabkan suatu permohonan untuk pendaftaran suatu cap dagangan difailkan di negara Konvensyen atau negara asing yang diisytiharkan, pemohon hendaklah memasukkan butir-butir tuntutan itu dalam permohonan pendaftaran cap dagangan itu pada masa memfailkan permohonan itu atau tidak lewat dari tiga hari dari tarikh pemfailan permohonan itu.

(2) Butir-butir yang disebut dalam subperaturan (1) adalah seperti yang berikut:

(a) negara Konvensyen atau negara asing yang diisytiharkan dan tarikh pemfailan permohonan keutamaan itu, atau jika terdapat lebih daripada satu permohonan keutamaan, tarikh pemfailan bagi setiap permohonan keutamaan, yang telah difailkan;

(b) barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya hak keutamaan itu dituntut yang berasaskan—

(i) hak keutamaan berkenaan dengan beberapa atau semua barang-barang atau perkhidmatan yang pendaftarannya dipohon dalam permohonan keutamaan itu; atau

(ii) hak keutamaan lebih daripada satu permohonan keutamaan.

(3) Bagi maksud menuntut tarikh keutamaan, selepas tarikh pemfailan permohonan itu tetapi dalam masa tiga hari dari pemfailan itu, pemohon hendaklah memfailkan suatu permintaan untuk meminda permohonan itu disertai pembayaran fi ditetapkan.

(4) Pendaftar boleh, jika tidak berpuas hati dengan butir-butir yang diberikan di bawah subperaturan (2), menghendaki pemohon untuk memfailkan suatu perakuan daripada pihak berkuasa kompeten negara Konvensyen atau negara asing yang diisytiharkan yang berkenaan yang memperaku atau mengesahkan—

- (a) tarikh pemfailan permohonan keutamaan;
- (b) gambaran cap dagangan itu; dan
- (c) barang-barang atau perkhidmatan yang diliputi dalam permohonan keutamaan itu.

(5) Jika Pendaftar menghendaki pemohon untuk memfailkan perakuan di bawah subperaturan (4), pemohon hendaklah memfailkan perakuan itu dalam masa dua bulan dari tarikh penolakan sementara itu yang jika tidak dipatuhi Pendaftar tidak akan menimbangkan tuntutan tarikh keutamaan.

(6) Jika perakuan yang disebut dalam subperaturan (4) bukan dalam bahasa Inggeris, hendaklah dilampirkan kepada perakuan itu suatu terjemahan dalam bahasa Inggeris bagi kandungan perakuan itu.

Pengelasan barang-barang atau perkhidmatan

11. (1) Setiap permohonan pendaftaran cap dagangan, bagi setiap kelas barang-barang atau perkhidmatan yang baginya permohonan itu adalah berkaitan, hendaklah mengandungi perkara yang berikut:

- (a) nombor kelas sebagaimana yang diperuntukkan dalam pengelasan barang-barang atau perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga; dan

(b) suatu spesifikasi barang-barang atau perkhidmatan itu—

(i) yang sesuai dengan kelas itu; dan

(ii) yang diterangkan dalam apa-apa cara—

(A) untuk menunjukkan secara jelas sifat barang-barang atau perkhidmatan itu; dan

(B) untuk membolehkan barang-barang atau perkhidmatan itu dikelaskan mengikut sistem pengelasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga.

(2) Bagi maksud perenggan (1)(b), pemohon boleh menggunakan spesifikasi senarai barang-barang atau perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, yang hendaklah termasuk klasifikasi sebagaimana yang disenaraikan dalam senarai yang telah diluluskan terlebih dahulu yang hendaklah dijadikan tersedia oleh Pendaftar, yang daripadanya suatu spesifikasi boleh diterima pakai oleh pemohon.

(3) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) boleh dibuat berkenaan dengan lebih daripada satu kelas barang-barang atau perkhidmatan sebagaimana yang diperuntukkan dalam pengelasan barang-barang atau perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, dan dalam hal sedemikian, perenggan (1)(b) adalah terpakai bagi setiap kelas barang-barang atau perkhidmatan yang baginya permohonan itu berkaitan.

(4) Dalam hal suatu permohonan pendaftaran berkenaan dengan semua barang atau perkhidmatan yang termasuk dalam suatu kelas tertentu dalam Jadual Ketiga, atau barang-barang atau perkhidmatan dengan kepelbagaian yang luas, Pendaftar boleh menolak permohonan itu melainkan jika dia berpuas hati bahawa spesifikasi itu dibenarkan oleh penggunaan cap dagangan yang dibuat oleh pemohon,

atau yang diniatkan untuk dibuat jika dan apabila cap dagangan itu didaftarkan.

(5) Apabila suatu cap dagangan didaftarkan, cap dagangan itu hendaklah dikelaskan mengikut versi sistem pengelasan barang-barang atau perkhidmatan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga yang berkuat kuasa pada tarikh pemfailan permohonan pendaftaran cap dagangan itu.

(6) Dalam peraturan ini, "spesifikasi" ertinya spesifikasi barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya suatu cap dagangan telah didaftarkan atau diniatkan untuk didaftarkan.

Terjemahan dan transliterasi

12. (1) Jika suatu cap dagangan mengandungi atau terdiri daripada perkataan yang tidak dalam huruf rumi, atau bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, pemohon hendaklah, melainkan jika Pendaftar mengarahkan sebaliknya, apabila memfailkan permohonan untuk pendaftaran cap dagangan itu, memberi Pendaftar maklumat yang berikut:

- (a) terjemahan perkataan itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris;
- (b) transliterasi perkataan itu, jika perlu; dan
- (c) bahasa asal perkataan itu.

(2) Jika pemohon memenuhi kehendak di bawah subperaturan (1) pada hari-hari yang berlainan, tarikh pemfailan hendaklah tertakluk kepada subperaturan 14(5).

(3) Pendaftar boleh pada bila-bila masa, jika tidak berpuas hati dengan terjemahan dan transliterasi, menghendaki pemohon untuk memfailkan suatu salinan

terjemahan atau transliterasi, yang diperaku atau ditentusahkan sehingga Pendaftar berpuas hati.

(4) Jika pemohon gagal untuk mengemukakan suatu salinan terjemahan atau transliterasi, permohonan itu hendaklah disifatkan ditarik balik.

Penafian sukarela

13. (1) Pemohon boleh menafikan apa-apa hak penggunaan eksklusif apa-apa elemen cap dagangan yang dinyatakan semasa memfailkan permohonan pendaftaran cap dagangan.

(2) Jika pemohon tidak membuat apa-apa penafian, Pendaftar hendaklah meneruskan dengan permohonan pendaftaran cap dagangan itu.

(3) Jika berhubung dengan permohonan pendaftaran cap dagangan itu, Pendaftar mengeluarkan penolakan sementara, pemohon boleh memohon penafian sukarela yang disertai permintaan untuk meminda permohonan pendaftaran cap dagangan itu, disertai pembayaran fi ditetapkan.

Ketidakpatuhan yang menyentuh permohonan pendaftaran cap dagangan

14. (1) Jika suatu permohonan pendaftaran cap dagangan tidak mematuhi subseksyen 17(2) atau (3) Akta atau peraturan 7, 9, 11 atau 12, Pendaftar hendaklah menghantar suatu penolakan sementara dalam suatu notis bertulis kepada pemohon untuk meremеди ketidakpatuhan itu atau, dalam hal subseksyen 17(2) Akta, untuk meremеди kegagalan pembayaran, dalam tempoh yang dinyatakan dalam penolakan sementara itu.

(2) Pendaftar boleh bersetuju dengan atau menolak maklum balas pemohon kepada notis bertulis itu.

(3) Jika, selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (1), pemohon tidak meremеди apa-apa ketidakpatuhan atau kegagalan pembayaran,

permohonan yang disentuh dalam penolakan sementara itu hendaklah disifatkan ditarik balik.

(4) Sebelum habis tempoh untuk meremedi ketidakpatuhan atau kegagalan pembayaran itu, pemohon boleh memohon, disertai pembayaran fi ditetapkan, suatu pelanjutan masa untuk tempoh yang tidak melebihi satu bulan, tertakluk kepada peraturan 59.

(5) Jika pemohon meremedi ketidakpatuhan atau membuat pembayaran itu dalam tempoh yang dilanjutkan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu tarikh pemfailan yang baharu bagi permohonan pendaftaran cap dagangan itu yang adalah tarikh ketidakpatuhan itu diremedi atau pembayaran dibuat.

Permohonan alasan keputusan Pendaftar

15. (1) Jika Pendaftar menolak untuk mendaftarkan cap dagangan, keputusan itu hendaklah dimaklumkan kepada pemohon secara bertulis.

(2) Pemohon boleh, dalam masa dua bulan dari tarikh keputusan Pendaftar dimaklumkan kepada pemohon, memfailkan permintaan untuk mendapatkan alasan bertulis keputusan itu disertai pembayaran fi ditetapkan.

Pembayaran balik fi di bawah seksyen 13 Akta

16. (1) Jika berkenaan dengan suatu permohonan oleh seorang pemohon untuk mendapatkan pendapat dan hasil carian awal, bagi maksud memohon pendaftaran cap dagangan, Pendaftar mengeluarkan hasil carian awal dalam bentuk afirmatif—

(a) pemohon itu, dengan bergantung kepada hasil carian awal dalam bentuk afirmatif itu, memfailkan suatu permohonan pendaftaran cap dagangan sebaik selepas Pendaftar mengeluarkan hasil carian awal dalam bentuk afirmatif itu;

(b) selepas memeriksa permohonan pendaftaran cap dagangan di bawah perenggan (a), Pendaftar mengeluarkan penolakan

sementara dengan membangkitkan alasan dalam seksyen 23 atau 24 Akta; dan

- (c) berikutan pengeluaran penolakan sementara di bawah perenggan (b) dan tertakluk kepada pemohon memfailkan permohonan untuk menarik balik permohonan pendaftaran cap dagangan itu dalam masa dua bulan daripada tarikh pengeluaran penolakan sementara itu,

pemohon itu berhak untuk mendapatkan pembayaran balik fi yang telah dibayar bagi pemfailan permohonan pendaftaran cap dagangan itu.

(2) Permintaan untuk mendapatkan pembayaran balik fi pemfailan permohonan pendaftaran cap dagangan hendaklah dibuat kepada Pendaftar disertai pembayaran fi ditetapkan.

(3) Pendaftar tidak boleh membenarkan apa-apa pelanjutan masa bagi maksud peraturan ini.

Penggal 3

Pemeriksaan permohonan pendaftaran

Maklum balas pemohon semasa pemeriksaan

17. (1) Jika Pendaftar menolak untuk mendaftar suatu cap dagangan, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu penolakan sementara dalam notis bertulis yang hendaklah juga mengandungi alasan bagi penolakan sementara itu yang dengannya pemohon boleh memberikan maklum balas—

- (a) dengan membuat representasi sama ada secara bertulis, atau dengan memohon kepada Pendaftar suatu pendengaran disertai pembayaran fi ditetapkan;

- (b) dengan meminda permohonan pendaftaran cap dagangan itu supaya memenuhi syarat, pindaan, ubah suaian atau pengehadan yang dikenakan atau diarahkan oleh Pendaftar melalui suatu permohonan untuk meminda permohonan pendaftaran cap dagangan disertai pembayaran fi ditetapkan; atau
- (c) dengan mengemukakan maklumat tambahan atau apa-apa maklumat atau keterangan lain melalui suatu akuan berkanun atau, *viva voce* sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada akuan berkanun itu.

(2) Pemohon boleh memohon pelanjutan masa disertai pembayaran fi ditetapkan untuk melanjutkan masa yang dinyatakan oleh Pendaftar dalam notis bertulis itu bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan.

(3) Apabila menerima permohonan untuk pendengaran di bawah perenggan (1)(a), Pendaftar hendaklah memberi pemohon notis tentang tarikh yang ditetapkan untuk Pendaftar mendengar representasi pemohon.

(4) Selepas menimbangkan maklum balas pemohon, Pendaftar hendaklah menerima atau menolak permohonan pendaftaran cap dagangan itu.

(5) Jika Pendaftar menolak permohonan pendaftaran cap dagangan, penolakan itu adalah penolakan sementara dengan sepenuhnya dan penolakan sementara dengan sepenuhnya itu hendaklah diberitahu kepada pemohon secara bertulis.

(6) Pemohon boleh, dalam masa dua bulan dari tarikh keputusan penolakan sementara dengan sepenuhnya itu dikeluarkan, memfailkan, disertai pembayaran fi ditetapkan, permintaan bagi alasan bertulis keputusan Pendaftar tentang Penolakan sementara dengan sepenuhnya itu.

(7) Pendaftar tidak boleh membenarkan pelanjutan masa bagi maksud subperaturan (6).

(8) Tarikh alasan bertulis keputusan Pendaftar tentang penolakan sementara dengan sepenuhnya dikeluarkan kepada pemohon hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud rayuan kepada Mahkamah.

(9) Apa-apa rayuan kepada Mahkamah terhadap keputusan Pendaftar hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh alasan bertulis keputusan Pendaftar tentang penolakan sementara dengan sepenuhnya itu dikeluarkan kepada pemohon.

(10) Seseorang pemohon boleh memohon kepada Pendaftar bagi suatu pelanjutan masa yang dinyatakan dalam subperaturan (9) untuk memfailkan rayuan kepada Mahkamah disertai pembayaran fi ditetapkan dan Pendaftar boleh memberikan pelanjutan itu bagi suatu tempoh tidak melebihi dua bulan.

Penyetujeterimaan dan penyiaran permohonan

18. (1) Selepas memeriksa permohonan pendaftaran cap dagangan, jika Pendaftar berpuas hati bahawa permohonan itu memenuhi kehendak pendaftaran, Pendaftar boleh menyetujui terima permohonan itu sama ada secara mutlak atau tertakluk kepada syarat, pindaan, ubah suaian atau pengehadan.

(2) Selepas permohonan pendaftaran cap dagangan disetujui terima dan disiarkan dalam Jurnal, Pendaftar boleh memberikan pemberitahuan bertulis mengenai penyiaran itu kepada pemohon.

Pembatalan penyetujeterimaan

19. (1) Jika menurut subseksyen 29(12) Akta, penyetujeterimaan pendaftaran cap dagangan itu dibatalkan, Pendaftar hendaklah menyiarkan pembatalan penyetujeterimaan itu dalam Jurnal dan mengeluarkan suatu notis bertulis penolakan sementara kepada pemohon.

(2) Jika Pendaftar menolak untuk mendaftarkan cap dagangan, pemohon boleh, dalam masa yang dinyatakan dalam notis bertulis, memberikan maklum balas—

- (a) dengan membuat representasi sama ada secara bertulis, atau dengan memohon kepada Pendaftar bagi suatu pendengaran disertai pembayaran fi ditetapkan;
- (b) dengan meminda permohonan supaya memenuhi syarat, pindaan, ubah suaian atau pengehadan yang dikenakan atau diarahkan oleh Pendaftar melalui suatu permohonan untuk meminda permohonan pendaftaran cap dagangan disertai pembayaran fi ditetapkan; atau
- (c) dengan mengemukakan maklumat tambahan atau apa-apa maklumat atau keterangan lain melalui akuan berkanun atau, *viva voce* sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada akuan berkanun.

(3) Permohonan hendaklah disifatkan ditarik balik jika pemohon tidak memberikan maklum balas dalam masa yang dinyatakan dalam notis bertulis.

(4) Apabila menerima permohonan untuk pendengaran di bawah perenggan (2)(a), Pendaftar hendaklah memberi pemohon notis tentang tarikh yang ditetapkan untuk Pendaftar mendengar representasi pemohon.

(5) Selepas menimbangkan maklum balas pemohon, Pendaftar hendaklah menyetujui terima atau menolak untuk mendaftarkan cap dagangan.

(6) Jika Pendaftar menolak untuk mendaftarkan cap dagangan, penolakan itu adalah penolakan sementara dengan sepenuhnya dan penolakan sementara dengan sepenuhnya itu hendaklah diberitahu kepada pemohon secara bertulis.

(7) Pemohon boleh, dalam masa dua bulan dari tarikh keputusan penolakan sementara dengan sepenuhnya itu dikeluarkan, memfailkan, disertai pembayaran fi ditetapkan, permintaan bagi alasan bertulis keputusan Pendaftar.

(8) Pendaftar tidak boleh membenarkan pelanjutan masa bagi maksud subperaturan (7).

(9) Tarikh alasan bertulis keputusan Pendaftar mengenai penolakan sementara dengan sepenuhnya itu dikeluarkan kepada pemohon hendaklah disifatkan tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud rayuan kepada Mahkamah.

(10) Apa-apa rayuan kepada Mahkamah terhadap keputusan Pendaftar hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh alasan bertulis keputusan Pendaftar mengenai penolakan sementara dengan sepenuhnya itu dikeluarkan kepada pemohon.

Penggal 4

Penarikan balik permohonan, sekatan barang-barang atau perkhidmatan yang diliputi dalam permohonan dan pindaan permohonan

Penarikan balik atau sekatan permohonan pendaftaran cap dagangan

20. (1) Jika mana-mana orang yang apa-apa hak atau kepentingan menjadi terletak hak kepadanya memohon untuk menarik balik pendaftaran cap dagangan atau untuk sekatan ke atas barang-barang atau perkhidmatan yang diliputi dalam permohonan pendaftaran cap dagangan itu, orang itu boleh memberitahu Pendaftar tentang penarikan balik atau sekatan itu.

(2) Orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah memfailkan dengan Pendaftar, disertai pembayaran fi ditetapkan, permohonan untuk menarik balik atau menyekat permohonan orang itu.

(3) Pendaftar boleh menghendaki orang yang disebut dalam subperaturan (1) untuk mengemukakan apa-apa maklumat sebagaimana yang difikirkan sesuai oleh Pendaftar sebelum menyetujui terima penarikan balik atau sekatan itu.

(4) Jika Pendaftar menyetujui terima permohonan penarikan balik atau sekatan itu, Pendaftar hendaklah merekodkan penarikan balik atau sekatan itu.

Sekatan barang-barang atau perkhidmatan yang diliputi dalam permohonan selepas penyiaran

21. (1) Selepas perekodan di bawah subperaturan 20(4) dan penyiaran di bawah subseksyen 32(4) Akta oleh Pendaftar mengenai apa-apa sekatan barang-barang atau perkhidmatan, mana-mana orang boleh membangkang sekatan itu.

(2) Mana-mana orang yang berhasrat untuk membuat bangkangan terhadap apa-apa sekatan barang-barang atau perkhidmatan hendaklah, dalam masa dua bulan selepas tarikh penyiaran notis sekatan barang-barang atau perkhidmatan itu, memfailkan dengan Pendaftar suatu notis bangkangan.

(3) Notis bangkangan itu hendaklah mengandungi pernyataan alasan yang berdasarkannya orang itu membangkang sekatan barang-barang atau perkhidmatan itu, termasuklah, jika berkenaan, bagaimana sekatan barang-barang atau perkhidmatan itu akan menjadi alasan bangkangan.

(4) Peraturan 23 hingga 34 adalah terpakai bagi notis bangkangan di bawah peraturan ini sebagaimana yang berikut:

(a) sebutan mengenai permohonan pendaftaran cap dagangan dalam subperaturan 26(3) dan (4) dan subperaturan 29(1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai permohonan bagi sekatan barang-barang atau perkhidmatan yang disebut dalam peraturan 20;

(b) sebutan mengenai tarikh penyiaran penyetujuteraan permohonan pendaftaran cap dagangan dalam subperaturan 23(1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh penyiaran sekatan barang-barang atau perkhidmatan itu;

- (c) sebutan mengenai notis bangkangan dalam peraturan 23, subperaturan 24(1), 29(3) dan 32(1) dan peraturan 34 hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai notis bangkangan yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3); dan
- (d) sebutan mengenai pembangkang dalam superaturan 23(3), (7), (8) dan (9), subperaturan 24(1), (2) dan (3), subperaturan 25(1), (2) dan (3), subperaturan 26(2) dan (3), subperaturan 27(1), peraturan 28, subperaturan 29(2) dan (3), peraturan 30, subperaturan 31(1) dan (3), subperaturan 32(1), perenggan 32(1)(a) dan (b), subperaturan 33(4) dan peraturan 34 hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3).

Pindaan permohonan selepas penyiaran

22. (1) Jika suatu permohonan bagi pindaan dibuat untuk permohonan pendaftaran cap dagangan, yang berkenaan dengannya penyetujuteraan permohonan pendaftaran itu telah disiarkan dalam Jurnal, dan permohonan bagi pindaan itu adalah untuk meminda gambaran cap dagangan tetapi yang tidak menyentuh identiti cap dagangan itu secara substansial atau memperluas barang-barang atau perkhidmatan yang diliputi dalam permohonan pendaftaran itu, permohonan bagi pindaan itu hendaklah juga disiarkan dalam Jurnal.

(2) Mana-mana orang yang berhasrat untuk membangkang pindaan di bawah subperaturan (1) hendaklah, dalam masa dua bulan selepas tarikh penyiaran pindaan itu, memfailkan dengan Pendaftar suatu notis bangkangan terhadap pindaan itu.

(3) Notis bangkangan itu hendaklah mengandungi pernyataan alasan yang berdasarkananya orang itu membangkang pindaan itu, termasuk, jika berkenaan, bagaimana pindaan itu akan menjadi alasan bangkangan.

(4) Peraturan 23 hingga 34 adalah terpakai bagi notis bangkangan sebagaimana yang berikut:

- (a) sebutan mengenai permohonan pendaftaran cap dagangan dalam subperaturan 26(3) dan (4) dan subperaturan 29(1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai permohonan bagi sekatan barang-barang atau perkhidmatan yang disebut dalam subperaturan (1);
- (b) sebutan mengenai tarikh penyiaran penyetujuteraan permohonan pendaftaran cap dagangan dalam subperaturan 23(1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh penyiaran pindaan itu;
- (c) sebutan mengenai notis bangkangan dalam peraturan 23, subperaturan 24(1), 29(3) dan 32(1) dan peraturan 34 hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai notis bangkangan yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3); dan
- (d) sebutan mengenai pembangkang dalam subperaturan 23(3), (7), (8) dan (9), subperaturan 24(1), (2) dan (3), subperaturan 25(1), (2) dan (3), subperaturan 26(2) dan (3), subperaturan 27(1), peraturan 28, subperaturan 29(2) dan (3), peraturan 30, subperaturan 31(1) dan (3), subperaturan 32(1), perenggan 32(1)(a) dan (b), subperaturan 33(4) dan peraturan 34 hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang disebut dalam subperaturan (2) dan (3).

Penggal 5

Bangkangan

Pemfailan notis bangkangan

23. (1) Suatu notis bangkangan kepada permohonan pendaftaran cap dagangan yang hendaklah termasuk pernyataan alasan terhadap bangkangan itu hendaklah

difailkan, disertai pembayaran fi ditetapkan, dengan Pendaftar dalam masa dua bulan dari tarikh penyiaran penyetujuteraan permohonan pendaftaran cap dagangan itu.

(2) Bagi maksud pemfailan notis bangkangan, Pendaftar tidak boleh membenarkan pelanjutan masa selama lebih daripada dua bulan selepas tamat tempoh pemfailan notis bangkangan.

(3) Seorang pembangkang yang membangkang pendaftaran cap dagangan bagi lebih daripada satu kelas barang-barang atau perkhidmatan hendaklah membayar fi yang ditetapkan bagi setiap kelas.

(4) Jika notis bangkangan difailkan berasaskan cap dagangan berdaftar hendaklah dimasukkan dalam pernyataan alasan bangkangan itu suatu gambaran cap dagangan itu dan butir-butir yang berikut:

- (a) perincian mengenai kuasa yang dengannya cap dagangan itu didaftarkan;
- (b) nombor pendaftaran cap dagangan itu; dan
- (c) barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya cap dagangan itu didaftarkan dan bangkangan itu diasaskan.

(5) Jika bangkangan itu berasaskan cap dagangan yang berkenaan dengannya suatu permohonan pendaftaran cap dagangan telah dibuat, hendaklah dimasukkan dalam pernyataan alasan bangkangan itu suatu gambaran cap dagangan itu dan butir-butir dalam perenggan (4) (a) hingga (c).

(6) Jika bangkangan itu berasaskan cap dagangan atau tanda lain yang tidak berdaftar atau menurut hak terdahulu di bawah subseksyen 24(4) Akta, hendaklah dimasukkan dalam pernyataan alasan bangkangan itu suatu gambaran cap dagangan atau tanda itu dan barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya perlindungan itu dituntut.

(7) Jika pembangkang gagal mematuhi mana-mana kehendak berhubung dengan notis bantahan itu, bantahan itu hendaklah disifatkan tidak pernah dibuat.

(8) Pada masa yang sama dengan pemfailan notis bantahan itu, pembangkang itu hendaklah menghantar satu salinan notis bantahan kepada pemohon.

(9) Pemohon hendaklah memfailkan dengan Pendaftar suatu affidavit penyampaian, dalam masa empat belas hari dari tarikh salinan notis bantahan itu dihantar kepada pemohon, yang affidavit penyampaian itu hendaklah mengandungi bukti tarikh penerimaan notis bantahan itu, dan kegagalan untuk berbuat demikian akan menyebabkan notis bantahan itu disifatkan ditarik balik.

Pemfailan pernyataan balas

24. (1) Pemohon hendaklah, dalam masa dua bulan dari tarikh penerimaan notis bantahan daripada pembangkang, memfailkan pernyataan balas dengan Pendaftar disertai pembayaran yang ditetapkan.

(2) Pada masa yang sama dengan pemfailan pernyataan balas itu, pemohon hendaklah menghantar satu salinan pernyataan balas itu kepada pembangkang.

(3) Pemohon hendaklah memfailkan affidavit penyampaian kepada Pendaftar, dalam masa empat belas hari dari tarikh penyampaian satu salinan pernyataan balas kepada pembangkang, yang affidavit penyampaian itu hendaklah mengandungi bukti tarikh penerimaan pernyataan balas itu oleh pembangkang, dan kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan permohonan pendaftaran cap dagangan itu disifatkan ditarik balik.

(4) Jika pemohon tidak memfailkan pernyataan balas dalam masa yang dinyatakan, permohonan pendaftaran cap dagangan itu, setakat yang berkaitan dengan barang-barang atau perkhidmatan yang terhadapnya bantahan itu ditujukan, hendaklah, melainkan jika Pendaftar mengarahkan sebaliknya, disifatkan ditarik balik.

Keterangan bagi menyokong bangkangan

25. (1) Pembangkang hendaklah, dalam masa dua bulan dari tarikh penerimaan pernyataan balas, memfailkan dengan Pendaftar apa-apa keterangan melalui akuan berkanun bagi menyokong bangkangannya.

(2) Pada masa yang sama dengan pemfailan keterangan bagi menyokong bangkangannya, pembangkang hendaklah menghantarkan satu salinan keterangan itu kepada pemohon.

(3) Pembangkang hendaklah memfailkan affidavit penyampaian dengan Pendaftar, dalam masa empat belas hari dari tarikh penghantaran kepada pemohon salinan keterangan bagi menyokong bangkangan pembangkang itu, yang affidavit penyampaian itu hendaklah mengandungi bukti tentang tarikh penerimaan keterangan itu oleh pemohon, dan kegagalan berbuat demikian akan mengakibatkan bangkangan itu disifatkan ditarik balik.

(4) Jika keterangan tidak difailkan menurut peraturan ini, bangkangan hendaklah disifatkan ditarik balik.

Keterangan bagi menyokong permohonan pendaftaran cap dagangan

26. (1) Pemohon hendaklah, dalam masa dua bulan dari tarikh penerimaan keterangan yang menyokong bangkangan, memfailkan dengan Pendaftar apa-apa keterangan melalui akuan berkanun bagi menyokong permohonan pendaftaran cap dagangannya.

(2) Pada masa yang sama dengan pemfailan keterangan bagi menyokong permohonan pendaftaran cap dagangannya, pemohon hendaklah menghantar satu salinan keterangan itu kepada pembangkang.

(3) Pemohon hendaklah memfailkan affidavit penyampaian dengan Pendaftar, dalam masa empat belas hari dari tarikh penghantaran kepada pembangkang salinan keterangan bagi menyokong permohonan pendaftaran cap dagangannya, yang affidavit penyampaian itu hendaklah mengandungi bukti penerimaan oleh pembangkang akan

keterangan itu, dan kegagalan untuk berbuat demikian akan mengakibatkan permohonan pendaftaran cap dagangan itu hendaklah disifatkan ditarik balik.

(4) Jika tiada keterangan difailkan menurut peraturan ini, permohonan pendaftaran cap dagangan akan disifatkan ditarik balik.

Keterangan balas oleh pembangkang

27. (1) Pembangkang boleh, dalam masa dua bulan dari tarikh penerimaan keterangan bagi menyokong permohonan pendaftaran cap dagangan, memfailkan keterangan balas melalui akuan berkanun dan hendaklah, pada masa yang sama, menghantar satu salinan keterangan balas itu kepada pemohon.

(2) Keterangan balas hendaklah dihadkan hanya kepada perkara yang semata-mata membalas keterangan pemohon.

Keterangan lanjut

28. Keterangan lanjut tidak boleh difailkan oleh pembangkang atau pemohon kecuali dengan kebenaran Pendaftar dan atas apa-apa terma mengenai kos, atau selainnya sebagaimana yang difikirkan patut oleh Pendaftar.

Permohonan penafian sukarela semasa prosiding bangkangan

29. (1) Semasa prosiding bangkangan, pemohon boleh memohon bagi penafian sukarela untuk menafikan apa-apa hak kepada penggunaan eksklusif apa-apa elemen cap dagangan yang ditetapkan disertai permintaan untuk pindaan permohonan pendaftaran cap dagangan dan pembayaran fi ditetapkan.

(2) Pendaftar, sebelum menyetujui terima penafian sukarela sebagaimana yang diminta oleh pemohon, hendaklah mengambil kira persetujuan pembangkang.

(3) Jika Pendaftar menyetujui terima penafian sukarela itu, pembangkang hendaklah menarik balik notis bangkangan itu.

Penghujahan bertulis

30. Apabila selesai pemfailan keterangan termasuk ekshibit, Pendaftar hendaklah memberikan notis kepada pembangkang dan pemohon untuk mengemukakan penghujahan bertulis kepada Pendaftar, berhubung dengan bangkangan itu, dalam masa dua bulan dari tarikh pengeluaran notis oleh Pendaftar.

Pelanjutan masa prosiding bangkangan

31. (1) Pendaftar boleh membenarkan pelanjutan masa atas permintaan pembangkang atau pemohon disertai pembayaran fi ditetapkan.

(2) Permintaan untuk pelanjutan masa bagi tempoh tidak melebihi enam bulan boleh dipohon.

(3) Jika permohonan pelanjutan masa diminta oleh pembangkang atau pemohon, pihak yang memohon pelanjutan masa hendaklah pada masa yang sama memaklumkan pihak satu lagi dalam prosiding bahawa permintaan bagi pelanjutan masa telah difailkan dengan Pendaftar.

Hal keadaan yang bangkangan boleh diteruskan atas nama orang lain

32. (1) Suatu bangkangan boleh diteruskan atas nama mana-mana orang selain pembangkang yang memfailkan notis bangkangan jika—

- (a) selepas pembangkang memfailkan notis bangkangan, hak atau kepentingan yang pembangkang itu bergantung untuk memfailkan notis bangkangan menjadi terletak hak kepada orang lain itu; dan
- (b) jika pembangkang tidak menarik balik bangkangan, orang lain yang disebut dalam perenggan (a) memberitahu Pendaftar secara bertulis disertai bukti yang memuaskan hati Pendaftar melalui akuan berkanun bahawa hak dan kepentingan yang terletak hak pada orang lain itu telah dicatatkan dalam rekod.

(2) Suatu bingkangan boleh diteruskan atas nama mana-mana orang selain pemohon yang memfailkan pernyataan balas jika—

(a) selepas pemohon memfailkan suatu pernyataan balas, hak atau kepentingan yang dengannya pemohon bergantung untuk memfailkan pernyataan balas menjadi terletak hak kepada orang lain itu; dan

(b) jika pemohon tidak menarik balik pernyataan balas itu, orang lain yang disebut dalam perenggan (a) memberitahu Pendaftar secara bertulis disertai bukti yang memuaskan hati Pendaftar melalui akuan berkanun bahawa hak atau kepentingan yang terletak hak pada orang lain itu telah dicatatkan dalam rekod.

Keputusan Pendaftar dalam prosiding bingkangan

33. (1) Sebaik selepas tamat tempoh yang dinyatakan dalam peraturan 30, Pendaftar hendaklah menimbangkan keterangan, ekshibit dan apa-apa hujahan bertulis dan boleh dalam masa dua bulan menyampaikan keputusannya menurut subseksyen 35(8) Akta dan alasan keputusannya secara bertulis kepada pihak-pihak kepada prosiding bingkangan itu.

(2) Tarikh alasan bertulis keputusan Pendaftar yang dikeluarkan kepada pihak-pihak hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud rayuan kepada Mahkamah.

(3) Apa-apa rayuan kepada Mahkamah terhadap keputusan Pendaftar hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh yang disebut di bawah subperaturan (2).

(4) Pemohon atau pembangkang boleh memohon kepada Pendaftar pelanjutan masa untuk memfailkan rayuan kepada Mahkamah bagi tempoh tidak melebihi dua bulan.

Kos bagi bingkangan yang tidak ditentang

34. Dalam hal bingkangan tidak ditentang, Pendaftar dalam memutuskan sama ada kos patut diawardkan kepada pembangkang hendaklah menimbangkan sama ada prosiding boleh dielakkan jika notis yang munasabah telah diberikan oleh pembangkang kepada pemohon sebelum notis bingkangan difailkan.

Penggal 6*Penangguhan***Penangguhan pemeriksaan atau prosiding bingkangan**

35. (1) Apa-apa permintaan bagi penangguhan, boleh dibuat dengan Pendaftar disertai pembayaran fi ditetapkan, oleh—

- (a) seorang pemohon berhubung dengan permohonan pendaftaran cap dagangan di bawah subseksyen 29(7) Akta; atau
- (b) seorang pemohon atau pembangkang berhubung dengan prosiding bingkangan di bawah subseksyen 35(9) Akta.

(2) Pendaftar boleh membenarkan tempoh maksimum enam bulan bagi penangguhan dan boleh melanjutkan tempoh penangguhan tertakluk kepada pemfailan suatu permintaan baharu untuk penangguhan.

(3) Pendaftar boleh menangguhkan apa-apa tindakan di bawah perenggan 1(a) tertakluk kepada hal keadaan yang berikut:

- (a) terdapat suatu permohonan di Mahkamah yang sedang berjalan berhubung dengan permohonan pendaftaran cap dagangan yang dimiliki oleh pemohon; atau
- (b) terdapat permohonan di Mahkamah yang sedang berjalan yang melibatkan prosiding bingkangan yang berhubung dengan

permohonan pendaftaran cap dagangan yang dimiliki oleh pemohon.

(4) Pendaftar boleh menangguhkan apa-apa tindakan di bawah perenggan (1)(b) tertakluk kepada hal keadaan yang berikut:

- (a) kedua-dua pembangkang dan pemohon hendaklah menjadi pihak-pihak yang terlibat dalam prosiding Mahkamah di Malaysia; atau
- (b) apa-apa hal keadaan munasabah yang lain sebagaimana yang Pendaftar fikirkan patut.

Penggal 7

Pendaftaran

Perakuan pendaftaran

36. Apabila diberitahu tentang penyiaran pendaftaran cap dagangan dalam Jurnal, tuan punya berdaftar itu boleh meminta, disertai pembayaran fi ditetapkan, Pendaftar untuk mengeluarkan perakuan pendaftaran.

Kematian pemohon sebelum pendaftaran

37. (1) Jika pemohon bagi pendaftaran cap dagangan mati, selepas tarikh permohonannya dan sebelum tarikh cap dagangan itu dicatatkan dalam Daftar, mana-mana orang lain yang membuktikan dengan memuaskan hati Pendaftar bahawa hak di bawah cap dagangan itu telah terletak hak kepada orang lain itu—

- (a) orang lain itu hendaklah memfailkan, dengan Pendaftar disertai pembayaran fi ditetapkan, suatu permohonan untuk menggantikan nama si mat dalam pemberitahuan pendaftaran dengan nama orang itu; dan

(b) Pendaftar boleh mencatatkan dalam pemberitahuan pendaftaran dan dalam Daftar, dengan menggantikan nama si mati, dengan nama, alamat dan butir-butir orang lain itu.

(2) Permohonan pendaftaran cap dagangan di bawah subperaturan (1) hendaklah diteruskan atas nama orang lain itu seolah-olah orang lain itu ialah pemohon itu.

Pendaftaran siri cap dagangan

38. (1) Suatu permohonan pendaftaran siri cap dagangan boleh dibuat bagi pendaftaran siri cap dagangan itu dalam pendaftaran tunggal dengan syarat siri itu mengandungi tidak lebih daripada enam cap dagangan.

(2) Jika sesuatu permohonan pendaftaran suatu siri cap dagangan mengandungi dua atau lebih cap dagangan, permohonan itu hendaklah tertakluk kepada pembayaran fi ditetapkan untuk setiap cap dagangan dalam siri cap dagangan itu.

(3) Tertakluk kepada seksyen 21 Akta dan setelah berpuas hati bahawa permohonan bagi siri cap dagangan itu merupakan suatu siri cap dagangan, Pendaftar hendaklah menyetujui terima permohonan itu.

(4) Suatu permohonan boleh dibuat untuk meminta pemotongan satu atau lebih siri cap dagangan, dengan memfailkan permintaan bagi pindaan permohonan atau pengubahan pendaftaran disertai pembayaran fi ditetapkan.

(5) Setelah menimbangkan permintaan bagi pindaan permohonan atau pengubahan pendaftaran, Pendaftar hendaklah memotong siri cap dagangan itu.

BAHAGIAN III
PEMBAHAGIAN ATAU PENGGABUNGAN

Pembahagian daripada permohonan pendaftaran cap dagangan

39. (1) Pada bila-bila masa sebelum pendaftaran cap dagangan, seseorang pemohon permohonan pendaftaran cap dagangan itu boleh meminta, disertai pembayaran fi ditetapkan, pembahagian daripada permohonan itu berkenaan dengan kelas atau barang-barang atau perkhidmatan dalam permohonan itu.

(2) Permintaan bagi pembahagian hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat penyampaian pemohon;
- (b) nombor permohonan pendaftaran;
- (c) dalam hal pembahagian kelas barang-barang atau perkhidmatan, suatu senarai kelas yang diminta untuk dibahagikan;
- (d) dalam hal pembahagian barang-barang atau perkhidmatan, suatu senarai barang-barang atau perkhidmatan yang diminta untuk dibahagikan; dan
- (e) jika pemohon bagi permohonan pendaftaran cap dagangan itu menjadi pihak dalam prosiding yang difailkan di Mahkamah yang menyentuh permohonan pendaftaran cap dagangan itu, pernyataan bahawa pihak atau pihak-pihak lain dalam prosiding itu telah bersetuju dengan permintaan untuk pembahagian itu.

(3) Jika Pendaftar menimbulkan apa-apa pertanyaan, mengenai permintaan bagi pembahagian itu, yang pemohon hendaklah memberikan maklum balas kepada pertanyaan itu dalam masa yang dinyatakan dalam suatu notis bertulis, pemohon tidak dibenarkan untuk meminta pelanjutan masa di bawah peraturan 59 untuk memberikan maklum balas kepada pertanyaan itu.

Kesan pembahagian permohonan pendaftaran cap dagangan

40. (1) Jika Pendaftar membenarkan permohonan bagi pembahagian, bahagian yang dibahagikan itu hendaklah diasingkan dari permohonan asal pendaftaran.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), tarikh pemfailan permohonan asal pendaftaran hendaklah dikekalkan berkenaan dengan bahagian yang telah dibahagikan keluar daripada permohonan pendaftaran itu.

(3) Jika permintaan untuk membahagikan suatu permohonan dibuat selepas penyiaran permohonan itu, apa-apa penolakan sementara berkenaan dengan, atau bangkangan terhadap, permohonan asal hendaklah dikira sebagai terpakai bagi setiap permohonan pembahagian, mengikut mana-mana yang berkenaan, dan hendaklah diteruskan.

(4) Jika pembangkang membangkang beberapa kelas atau barang-barang atau perkhidmatan yang difailkan oleh pemohon dalam permohonan asal, yang sekarang menjadi hal perkara suatu permohonan pembahagian itu, Pendaftar boleh membenarkan pembahagian permohonan itu jika pemohon dalam permohonan asal belum memfailkan pernyataan balas.

(5) Selepas pembahagian permohonan asal, butir-butir yang berhubungan dengan pemberian suatu lesen, atau suatu kepentingan bercagar atau apa-apa hak di dalam atau di bawah lesen, yang berkenaan dengannya notis telah diberikan kepada Pendaftar, hendaklah disifatkan terpakai berhubung dengan setiap permohonan yang dibahagikan daripada permohonan asal.

Pembahagian pendaftaran cap dagangan

41. (1) Seorang tuan punya berdaftar boleh meminta, disertai pembayaran fi ditetapkan, bagi suatu pembahagian daripada pendaftaran kelas atau barang-barang atau perkhidmatan dalam pendaftaran itu .

(2) Permintaan bagi pembahagian hendaklah mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat tuan punya berdaftar;
- (b) nombor pendaftaran asal bagi pendaftaran cap dagangan itu;
- (c) dalam hal pembahagian kelas barang-barang atau perkhidmatan, suatu senarai kelas yang diminta untuk dibahagikan;
- (d) dalam hal pembahagian barang-barang atau perkhidmatan, suatu senarai barang-barang atau perkhidmatan yang diminta untuk dibahagikan;
- (e) jika cap dagangan itu menjadi hal perkara dalam prosiding yang difailkan di Mahkamah, pernyataan bahawa pihak atau pihak-pihak lain dalam prosiding itu telah bersetuju dengan permintaan untuk pembahagian itu.

(3) Jika Pendaftar menimbulkan apa-apa pertanyaan, mengenai permintaan bagi pembahagian itu, yang pemohon hendaklah memberikan maklum balas kepada pertanyaan itu dalam masa yang dinyatakan dalam suatu notis bertulis, pemohon tidak dibenarkan untuk meminta pelanjutan masa di bawah peraturan 59 untuk memberikan maklum balas kepada pertanyaan itu.

Kesan pembahagian pendaftaran cap dagangan

42. (1) Jika Pendaftar membenarkan permintaan bagi pembahagian, bahagian yang dibahagikan itu hendaklah diasingkan daripada pendaftaran asal cap dagangan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1) tarikh pemfailan pendaftaran asal cap dagangan hendaklah dikekalkan berkenaan dengan bahagian yang telah dibahagikan keluar daripada pendaftaran cap dagangan itu.

(3) Suatu permintaan di bawah peraturan 41 tidak boleh disetujui terima, jika permintaan itu akan membawa kepada suatu pembahagian antara barang-barang atau perkhidmatan yang menjadi hal perkara prosiding bagi pembatalan atau meniadakan kesahan pendaftaran cap dagangan itu.

(4) Sekiranya pendaftaran asal tertakluk kepada apa-apa syarat, penafian atau pengehadan, pendaftaran pembahagian itu hendaklah juga disekat.

(5) Jika pendaftaran asal telah didaftarkan bersama-sama dengan butir-butir yang berhubungan dengannya pemberian lesen, apa-apa kepentingan bercagar atau hak dalam atau di bawah pendaftaran asal itu atau apa-apa memorandum atau pernyataan mengenai kesan memorandum, Pendaftar hendaklah mencatatkan dalam Daftar butir-butir yang sama berhubung dengan setiap pendaftaran pembahagian yang dibahagikan daripada pendaftaran asal.

Penggabungan permohonan atau pendaftaran berasingan

43. (1) Seorang pemohon bagi pendaftaran cap dagangan, atau tuan punya berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, boleh memohon bagi penggabungan dua atau lebih permohonan atau dua atau lebih pendaftaran.

(2) Pendaftar boleh menggabungkan permohonan atau pendaftaran jika permohonan atau pendaftaran itu—

- (a) adalah bagi cap dagangan yang serupa;
- (b) mempunyai tarikh pemfailan yang sama;
- (c) berhubungan dengan permohonan, permohonan yang diminta untuk digabungkan mempunyai status yang sama;

- (d) berhubung dengan pendaftaran, pendaftaran yang diminta untuk digabungkan mempunyai status yang sama;
- (e) atas nama pemohon atau tuan punya berdaftar yang sama;
- (f) mempunyai alamat penyampaian yang sama bagi pemohon atau tuan punya berdaftar; dan
- (g) dikelaskan menurut sistem pengelasan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga dan edisi sebelumnya yang sama dengan sistem pengelasan yang dinyatakan dalam Jadual Ketiga, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(3) Suatu permohonan bagi penggabungan hendaklah difailkan dengan Pendaftar disertai pembayaran fi ditetapkan dan mengandungi maklumat seperti berikut:

- (a) nama dan alamat bagi penyampaian pemohon atau tuan punya berdaftar;
- (b) nama dan alamat bagi penyampaian ejen;
- (c) kelas barang-barang atau perkhidmatan yang diminta untuk digabungkan; dan
- (d) permohonan atau nombor pendaftaran setiap permohonan atau pendaftaran yang hendak digabungkan.

Kesan penggabungan

44. (1) Tiada permohonan penggabungan boleh disetujui terima oleh Pendaftar berkenaan dengan pendaftaran cap dagangan—

- (a) yang menjadi hal perkara dalam prosiding bagi pembatalannya oleh Pendaftar atau Mahkamah atau bagi meniadakan kesahan pendaftarannya oleh Mahkamah; atau
- (b) yang menjadi hal perkara bagi pendaftaran antarabangsa sebagai pendaftaran asas yang belum dijadikan terasing daripada cap dagangan sebagaimana yang diperuntukkan menurut Perkara 6 Protokol Madrid.

(2) Jika mana-mana pendaftaran cap dagangan yang diminta untuk digabungkan adalah tertakluk kepada penafian, syarat atau pengehadan, pendaftaran yang digabungkan hendaklah juga disekat.

(3) Jika mana-mana pendaftaran cap dagangan yang diminta untuk digabungkan telah didaftarkan berhubungannya butir-butir yang berhubung dengan pemberian suatu lesen atau kepentingan bercagar atau apa-apa hak dalam atau di bawahnya, atau apa-apa memorandum atau pernyataan mengenai kesan suatu memorandum, Pendaftar hendaklah mencatatkan dalam Daftar butir-butir yang sama berhubung dengan pendaftaran yang digabungkan.

BAHAGIAN IV DAFTAR CAP DAGANGAN

Catatan dalam Daftar mengenai butir-butir cap dagangan berdaftar

45. Pendaftar hendaklah mencatatkan dalam Daftar berkenaan dengan setiap cap dagangan berdaftar butir-butir yang berikut:

- (a) tarikh pemfailan permohonan pendaftaran;
- (b) tarikh pendaftaran;
- (c) tarikh catatan cap dagangan dalam Daftar;

- (d) gambaran cap dagangan;
- (e) tarikh keutamaan, jika ada, yang diberikan menurut tuntutan hak keutamaan di bawah seksyen 26, 27 atau 28 Akta;
- (f) nama dan alamat tuan punya berdaftar;
- (g) nama dan alamat penyerah hak, pemegang lesen atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan atau cagaran dalam cap dagangan berdaftar;
- (h) alamat bagi penyampaian tuan punya berdaftar, penyerah hak, pemegang lesen atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan atau cagaran dalam cap dagangan berdaftar;
- (i) jika tuan punya berdaftar, penyerah hak, pemegang lesen atau mana-mana orang yang mempunyai kepentingan atau cagaran dalam cap dagangan berdaftar itu diwakili oleh ejen, nama ejen dan alamat bagi penyampaian;
- (j) apa-apa syarat, pindaan, penafian, pengubahsuaian atau pengehadan hak;
- (k) barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya cap dagangan itu didaftarkan;
- (l) jika cap dagangan itu adalah cap kolektif atau cap perakuan, hakikat itu;
- (m) perihal cap dagangan itu;

- (n) jika cap dagangan itu didaftarkan dengan persetujuan tuan punya berdaftar cap dagangan terdahulu atau hak terdahulu yang lain, hakikat itu;
- (o) jika cap dagangan itu didaftarkan menurut permohonan transformasi—
 - (i) nombor pendaftaran antarabangsa yang bersamaan; dan
 - (ii) tarikh pendaftaran antarabangsa itu mengikut Perkara 3(4) Protokol Madrid, jika berkenaan; dan
 - (iii) jika permintaan bagi memperluas perlindungan ke Malaysia dibuat selepas pendaftaran antarabangsa itu, tarikh perekodan permintaan itu mengikut Perkara 3ter (2) Protokol Madrid, jika berkenaan; dan
- (p) butir-butir perakuan kesahan yang diberikan oleh Mahkamah.

Pindaan atau penggantian pengelasan barang-barang atau perkhidmatan

46. (1) Pendaftar boleh pada bila-bila masa meminda suatu catatan dalam Daftar, yang berkaitan dengan pengelasan suatu cap dagangan berdaftar supaya pengelasan selaras dengan versi pengelasan yang berkuat kuasa pada masa kini.

(2) Sebelum membuat apa-apa pindaan kepada Daftar, Pendaftar hendaklah memberikan tuan punya berdaftar cap dagangan notis bertulis mengenai cadangan pindaan dan hendaklah pada masa yang sama menasihati tuan punya berdaftar bahawa—

- (a) tuan punya berdaftar boleh membuat bantahan bertulis terhadap cadangan itu, dalam masa dua bulan dari tarikh notis itu, dengan menyatakan alasan bantahan itu; dan

(b) jika tiada bantahan bertulis diterima dalam masa yang dinyatakan, Pendaftar hendaklah menyiarkan cadangan itu, dan tuan punya berdaftar tidak berhak membuat apa-apa bantahan terhadap cadangan itu selepas penyiaran itu.

(3) Jika tuan punya berdaftar itu tidak membuat bantahan bertulis—

(a) tuan punya berdaftar boleh memberikan Pendaftar notis bertulis mengenai hakikat itu; dan

(b) Pendaftar hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas habis tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 2(a) atau apabila menerima notis bertulis itu daripada tuan punya berdaftar, mengikut mana-mana yang berkenaan, menyiarkan cadangan itu dalam Jurnal.

(4) Jika tuan punya berdaftar itu membuat bantahan tertulis dalam masa yang dinyatakan dalam perenggan (2)(a), Pendaftar hendaklah, dengan seberapa segera yang praktik selepas menimbangkan bantahan itu, menyiarkan cadangan itu dalam Jurnal atau, jika Pendaftar telah meminda cadangan itu, menyiarkan cadangan yang dipinda itu dalam Jurnal.

(5) Peraturan 39 dan 41 hendaklah dibaca bersama dengan peraturan ini.

Bangkangan terhadap cadangan

47. (1) Mana-mana orang boleh, dalam masa dua bulan dari tarikh cadangan itu disiarkan, memberikan notis kepada Pendaftar mengenai bangkangan terhadap cadangan yang hendaklah termasuk pernyataan alasan bangkangan yang hendaklah, khususnya, menyatakan sebab pindaan yang dicadangkan itu akan bertentangan dengan seksyen 34 Akta.

(2) Bagi maksud bangkangan dalam subperaturan (1), tatacara prosiding bangkangan dalam peraturan 23 hingga 34 adalah terpakai.

(3) Jika tiada notis bangkangan difailkan dalam masa yang dinyatakan, atau jika apa-apa bangkangan telah ditentukan, Pendaftar hendaklah membuat pindaan sebagaimana yang dicadangkan dan hendaklah mencatatkan dalam Daftar tarikh pindaan itu dibuat.

(4) Peraturan 39 dan 41 hendaklah dibaca bersama dengan peraturan ini.

BAHAGIAN V
PENGUBAHAN, PEMBETULAN DAN PEMOTONGAN SUKARELA
CAP DAGANGAN BERDAFTAR

Permohonan untuk mengubah cap dagangan berdaftar

48. (1) Tuan punya berdaftar suatu cap dagangan boleh meminta Pendaftar untuk mengubah cap dagangan sebagaimana yang dibenarkan di bawah subseksyen 42(2) Akta, disertai pembayaran fi ditetapkan, dan atas permintaan itu Pendaftar boleh melalui notis bertulis menghendaki bukti mengenai hal keadaan yang permohonan itu dibuat.

(2) Jika Pendaftar menghendaki bukti yang disebut dalam subperaturan (1), tuan punya berdaftar itu hendaklah memfailkan bukti itu dalam masa yang dinyatakan dalam notis bertulis dan boleh memohon suatu pelanjutan masa tidak melebihi dua bulan untuk melanjutkan masa memfailkan bukti.

(3) Jika Pendaftar membenarkan perubahan kepada cap dagangan berdaftar, Pendaftar hendaklah menyiarkan cap dagangan itu sebagaimana yang diubah dalam Jurnal dan memberitahu tuan punya berdaftar.

(4) Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu perakuan pendaftaran yang baharu menggantikan pemberitahuan pendaftaran yang terdahulu atas permohonan difailkan oleh tuan punya berdaftar disertai pembayaran fi ditetapkan.

Permohonan untuk membetulkan Daftar

49. (1) Suatu permintaan untuk membetulkan Daftar di bawah perenggan 43(1)(a), (b) dan (c) Akta boleh difailkan oleh tuan punya berdaftar, dan suatu permintaan untuk membetulkan Daftar di bawah perenggan 43(1)(a) Akta boleh difailkan oleh seorang pemegang lesen cap dagangan berdaftar, dengan Pendaftar disertai pembayaran fi ditetapkan.

(2) Walau apa pun subperaturan (1), berkenaan dengan pembayaran fi ditetapkan, Pendaftar tidak boleh mengenakan fi jika perubahan alamat tuan punya berdaftar atau pemegang lesen adalah disebabkan oleh pihak berkuasa awam.

(3) Bagi maksud perubahan nama dan perihalan dalam subperaturan (1) dan bagi maksud subperaturan (2), tuan punya berdaftar atau pemegang lesen hendaklah memfailkan dokumen sokongan sehingga memuaskan hati Pendaftar.

(4) Suatu permintaan yang dibuat oleh tuan punya berdaftar kepada Pendaftar bagi maksud perenggan 43(1)(b) atau (c) Akta hendaklah difailkan dengan Pendaftar, disertai pernyataan yang menyatakan sepenuhnya sifat kepentingan pemohon, hakikat yang menjadi asas permintaan dan relief yang diminta oleh pemohon, disertai pembayaran fi ditetapkan.

(5) Bagi maksud subperaturan (3), Pendaftar boleh melalui notis bertulis menghendaki apa-apa dokumen sokongan lanjutan dan tuan punya berdaftar atau pemegang lesen hendaklah memfailkan dokumen itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(6) Jika selepas menimbangkan dokumen sokongan, Pendaftar membenarkan pembetulan di bawah peraturan ini, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu pemberitahuan pendaftaran yang baharu.

Permintaan pemotongan sukarela cap dagangan berdaftar atau pendaftaran berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan tertentu

50. (1) Permintaan pemotongan sukarela cap dagangan berdaftar berkenaan dengan beberapa atau semua barang atau perkhidmatan di bawah subseksyen 44(1) Akta boleh difailkan oleh tuan punya berdaftar, disertai pembayaran fi ditetapkan, dan dalam permintaan itu tuan punya berdaftar hendaklah—

- (a) menyatakan nama dan alamat mana-mana orang yang menuntut hak berkenaan dengan, atau kepentingan dalam, cap dagangan itu; dan
- (b) mengisytiharkan bahawa mana-mana orang yang disebut di bawah perenggan (a), telah dihantarkan kepadanya notis tidak kurang daripada dua bulan tentang niat tuan punya berdaftar itu untuk memotong cap dagangan itu, dan tidak disentuh, atau sekiranya disentuh, bersetuju dengan pemotongan.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), Pendaftar boleh melalui notis bertulis menghendaki apa-apa dokumen sokongan lanjutan atau maklumat dan tuan punya berdaftar hendaklah memfailkan dokumen atau maklumat itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis.

(3) Apabila menerima permohonan itu di bawah subperaturan (1), Pendaftar hendaklah memberitahu orang yang disebut dalam subseksyen 44(2) Akta.

(4) Pemotongan pendaftaran cap dagangan di bawah peraturan ini mula berkuat kuasa apabila Pendaftar berpuas hati bahawa kehendak di bawah peraturan ini telah dipatuhi.

(5) Pendaftar hendaklah, selepas pemotongan itu mula berkuat kuasa, membuat catatan yang sesuai dalam Daftar dan menyiarkan tarikh pemotongan itu dalam Jurnal.

BAHAGIAN VI
PEMBATALAN ATAS ALASAN KETIADAAN PENGGUNAAN ATAU KETIDAKSAHAN
DAFTAR OLEH MAHKAMAH

Permohonan kepada Mahkamah

51. Mana-mana orang boleh memfailkan suatu permohonan kepada Mahkamah bagi pembetulan Daftar di bawah subseksyen 43(5) Akta, mana-mana orang terkilan yang memfailkan permohonan kepada Mahkamah bagi pembatalan oleh Mahkamah atas alasan ketiadaan penggunaan di bawah seksyen 46 Akta dan mana-mana orang terkilan yang memfailkan permohonan kepada Mahkamah bagi pembatalan pendaftaran di bawah seksyen 47 Akta hendaklah mengemukakan kepada Pendaftar, disertai pembayaran fi ditetapkan, butir-butir yang berikut berhubung dengan permohonan itu dengan seberapa segera yang praktik selepas menerima salinan permohonan yang dimeterai daripada Mahkamah:

- (a) nombor pendaftaran cap dagangan;
- (b) barang-barang atau perkhidmatan yang terkesan oleh permohonan;
- (c) nama tuan punya daftar cap dagangan yang menjadi hal perkara permohonan pembatalan atau ketidaksahan;
- (d) nombor writ sama atau saman pemula;
- (e) tarikh permohonan difailkan kepada Mahkamah;
- (f) Mahkamah yang mendengar;
- (g) pihak-pihak kepada permohonan; dan
- (h) kausa tindakan permohonan itu.

Perintah Mahkamah

52. (1) Jika suatu perintah dibuat oleh Mahkamah berikutan dengan pemfailan permohonan itu kepada Mahkamah di bawah subperaturan 51(1), orang yang perintah Mahkamah yang dibuat adalah memihak kepadanya, atau jika terdapat lebih dari seorang, mana-mana satu daripada orang itu hendaklah memfailkan salinan termeterai perintah itu dengan Pendaftar.

(2) Jika pembetulan Daftar diperlukan—

(a) orang yang disebut dalam subperaturan (1) hendaklah memfailkan suatu permohonan, disertai pembayaran fi ditetapkan, bagi pembetulan Daftar yang disokong oleh salinan perintah Mahkamah itu; dan

(b) Daftar itu hendaklah, jika berkenaan, dibetulkan oleh Pendaftar.

(3) Jika Pendaftar menganggap bahawa perintah Mahkamah itu hendaklah diberikan publisiti, Pendaftar boleh menyiarkannya dalam Jurnal.

BAHAGIAN VII

CAP KOLEKTIF DAN CAP PERAKUAN

Pemfailan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan

53. (1) Pemohon hendaklah, dalam masa dua bulan selepas tarikh permohonan pendaftaran suatu cap kolektif menurut subperenggan 5(1) atau (3) Jadual Pertama Akta, atau cap perakuan menurut subperenggan 5(1) atau (3) Jadual Kedua Akta, memfailkan kepada Pendaftar, disertai pembayaran fi ditetapkan, kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan.

(2) Jika pemohon tidak memfailkan kaedah-kaedah di bawah subperaturan (1) dalam tempoh yang dinyatakan, permohonan pendaftaran cap kolektif atau cap perakuan itu dianggap ditarik balik.

(3) Walau apa pun subperaturan (2), pemohon boleh meminta suatu pelanjutan masa untuk memfailkan dokumen yang dikehendaki di bawah subperaturan (1) bagi tempoh tidak melebihi dua bulan.

(4) Jika pemohon memfailkan kaedah-kaedah dalam tempoh pelanjutan dua bulan itu, Pendaftar hendaklah mengeluarkan suatu tarikh pemfailan yang baharu kepada pemohon yang adalah tarikh pemfailan kaedah-kaedah itu.

Pemfailan pindaan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan

54. (1) Pemfailan kaedah-kaedah cap kolektif yang dipinda menurut subperenggan 6(5) Jadual Pertama Akta, atau kaedah-kaedah cap perakuan yang dipinda menurut subperenggan 6(5) Jadual Kedua Akta, hendaklah dibuat dengan Pendaftar.

(2) Pemfailan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan yang dipinda itu hendaklah disertai suatu salinan kaedah-kaedah yang dipinda itu dengan pindaan yang ditunjukkan dalam warna merah disertai pembayaran fi ditetapkan.

(3) Jika Pendaftar menyetujui terima kaedah-kaedah yang dipinda itu, Pendaftar hendaklah menyiarkan satu notis bagi menandakan bahawa kaedah-kaedah itu telah dipinda oleh pemohon di bawah subperenggan 6(5) Jadual Pertama Akta atau subperenggan 6(5) Jadual Kedua Akta, dan kaedah-kaedah yang dipinda itu boleh diperiksa.

Bangkangan terhadap pendaftaran cap kolektif atau cap perakuan

55. (1) Peraturan 23 hingga 34 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi prosiding bangkangan terhadap pendaftaran cap kolektif atau cap perakuan sebagaimana prosiding itu terpakai bagi bangkangan terhadap permohonan pendaftaran cap dagangan.

(2) Mana-mana orang boleh, bagi pemakaian peraturan 23 hingga 34 berhubung dengan penyiaran, dalam masa dua bulan selepas tarikh penyiaran suatu pendaftaran cap kolektif atau cap perakuan, memberikan notis bangkangan kepada Pendaftar yang membangkang pendaftaran itu.

Pindaan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan berdaftar

56. (1) Suatu permohonan bagi pindaan kaedah-kaedah yang mentadbir penggunaan cap kolektif atau cap perakuan berdaftar di bawah subperenggan 8(1) Jadual Pertama Akta atau subperenggan 8(1) Jadual Kedua Akta hendaklah difailkan dengan Pendaftar disertai pembayaran fi ditetapkan.

(2) Permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah disertai suatu salinan kaedah-kaedah yang dipinda dengan pindaan yang ditunjukkan dalam warna merah dan pembayaran fi ditetapkan.

(3) Jika Pendaftar menyetujui terima kaedah-kaedah yang dipinda, Pendaftar hendaklah menyiarkan suatu notis yang menunjukkan bahawa kaedah-kaedah itu telah dipinda oleh tuan punya berdaftar cap kolektif atau cap perakuan itu dan kaedah-kaedah yang dipinda itu boleh diperiksa.

Bangkangan pindaan kaedah-kaedah cap kolektif atau cap perakuan

57. (1) Mana-mana orang boleh, dalam masa dua bulan selepas tarikh penyiaran notis yang disebut dalam subperaturan 56(3), memfailkan dengan Pendaftar—

- (a) suatu notis bangkangan terhadap pindaan kepada kaedah-kaedah itu; dan
- (b) suatu pernyataan yang menunjukkan alasan bangkangan bagi ketidakpatuhan kehendak perenggan 6(1) Jadual Pertama Akta atau perenggan 6(1) Jadual Kedua kepada Akta, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Orang yang memfailkan notis dan pernyataan di bawah subperaturan (1) hendaklah, pada masa yang sama, menyampaikan salinan notis dan pernyataan tuan punya berdaftar cap kolektif atau cap perakuan itu.

(3) Peraturan 23 hingga 34 hendaklah, dengan apa-apa ubah suaian yang perlu, terpakai bagi bangkangan terhadap prosiding pindaan kaedah-kaedah cap kolektif

atau cap perakuan itu sebagaimana peraturan-peraturan itu terpakai bagi suatu bingkangan terhadap permohonan pendaftaran suatu cap dagangan, sebagaimana yang berikut:

- (a) sebutan mengenai pemohon hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pemohon bagi pindaan kepada kaedah-kaedah itu;
- (b) sebutan mengenai permohonan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai permohonan untuk pindaan kaedah-kaedah;
- (c) sebutan mengenai tarikh penyiaran permohonan pendaftaran hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh penyiaran notis yang disebut dalam subperaturan 56(3);
- (d) sebutan mengenai notis bingkangan hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai notis dan pernyataan yang disebut dalam subperaturan (1); dan
- (e) sebutan mengenai pembangkang hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai orang yang memfailkan notis dan pernyataan yang disebut dalam subperaturan (1).

BAHAGIAN VIII

KETERANGAN DAN TATACARA

Akuan berkanun

58. (1) Apa-apa akuan berkanun yang dikehendaki, atau digunakan dalam apa-apa prosiding, di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini, hendaklah dibuat seperti yang berikut:

- (a) di Malaysia, mengikut peruntukan Akta Akuan Berkanun 1960 [Akta 783];

(b) di mana-mana bahagian lain di dunia, di hadapan mana-mana mahkamah, hakim, jaksa pendamai, majistret, notari awam atau pegawai lain yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk mengendalikan sumpah bagi maksud mana-mana prosiding undang-undang.

(2) Apa-apa dokumen yang berupa sebagai telah dicap, ditera atau diturunkan di atasnya atau padanya meterai dan tandatangan seseorang yang diberi kuasa oleh undang-undang untuk membuat suatu akuan boleh diterima oleh Pendaftar tanpa bukti ketulenan meterai atau tandatangan atau sifat rasmi orang itu atau kuasanya untuk membuat akuan itu.

BAHAGIAN IX PELANJUTAN MASA

Permintaan bagi pelanjutan masa

59. (1) Setiap permintaan bagi pelanjutan masa di bawah subseksyen 153(1) Akta hendaklah difailkan dengan Pendaftar, disertai pembayaran fi ditetapkan, dan hendaklah mengadakan hal keadaan dengan butir-butir yang mencukupi untuk membolehkan Pendaftar memutuskan pelanjutan masa itu wajar.

(2) Jika, apabila menerima permintaan bagi pelanjutan masa, Pendaftar berpuas hati bahawa hal keadaan itu adalah sedemikian yang mewajarkan pelanjutan masa untuk melakukan apa-apa perbuatan atau benda di bawah Akta atau Peraturan-Peraturan ini, yang bukan suatu masa yang diperuntukkan secara nyata dalam Akta atau peraturan 14, 17, 33, 48 dan 53, Pendaftar boleh melanjutkan masa tertakluk kepada apa-apa terma sebagaimana yang diarahkan oleh Pendaftar, dan pelanjutan itu boleh diberikan walaupun selepas habis tempoh bagi melakukan apa-apa perbuatan atau perkara yang perlu dilakukan itu.

BAHAGIAN X
CAP DAGANGAN ANTARABANGSA DI BAWAH PROTOKOL MADRID

Penggal 1

Am

Tafsiran

60. (1) Dalam Bahagian ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“Biro Antarabangsa” ertinya Biro Antarabangsa Organisasi Harta Intelek Dunia;

“Pejabat asal” ertinya Pejabat Pihak Pejanji yang, mengikut Perkara 2(2) Protokol Madrid, permohonan antarabangsa itu telah difailkan;

“pemegang” merujuk kepada orang sebenar atau entiti undang-undang yang nama pendaftaran antarabangsanya direkodkan dalam Daftar Antarabangsa;

“penamaan” dan “penamaan terkemudian” ertinya permintaan bagi peluasan perlindungan atau peluasan wilayah ke Malaysia di bawah Perkara 3^{ter}(1) atau (2) Protokol Madrid, mengikut mana-mana yang berkenaan, yang peluasannya hendaklah direkodkan dalam Daftar Antarabangsa;

“pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia” ertinya suatu pendaftaran antarabangsa yang permintaan telah dibuat sama ada dalam permohonan antarabangsa yang berkaitan atau kemudiannya untuk peluasan perlindungan ke Malaysia di bawah Perkara 3^{ter} (1) atau (2) Protokol Madrid;

“pendaftaran asas” berkenaan dengan permohonan antarabangsa, ertinya pendaftaran cap dagangan yang didaftarkan oleh Pendaftar di bawah seksyen 36 Akta;

“Peraturan-Peraturan Bersama” ertinya peraturan-peraturan, yang diguna pakai di bawah Artikel 10 Protokol Madrid, berkuat kuasa dari 1 April 1996, sebagaimana digantikan, disemak, atau dipinda dari semasa ke semasa;

“permohonan antarabangsa” ertinya suatu permohonan kepada Biro Antarabangsa untuk mendapatkan pendaftaran cap dagangan dalam Daftar Antarabangsa di bawah Protokol Madrid;

“permohonan asas” berkenaan dengan permohonan antarabangsa, ertinya suatu permohonan pendaftaran cap dagangan yang difailkan dengan Pendaftar di bawah seksyen 17 Akta dan peraturan 7;

“permohonan transformasi” ertinya permohonan yang diperuntukkan di bawah subperaturan 104(1);

“pertukaran pemunyaan” termasuklah penyerahakan atau perpindahan; dan

“tarikh transformasi” ertinya tarikh permohonan transformasi itu difailkan.

(2) Apa-apa sebutan mengenai suatu borang bernombor dalam Bahagian ini hendaklah menjadi sebutan mengenai versi semasa borang yang mengandungi nombor yang bersamaan itu, sebagaimana yang diperihalkan dalam Jadual Kedua, yang boleh didapati dalam laman sesawang *World Intellectual Property Organization*.

Penggal 2

Permohonan antarabangsa yang dimulakan di Malaysia

Kelayakan untuk memohon pendaftaran antarabangsa

61. (1) Apa-apa permohonan pendaftaran antarabangsa cap dagangan hendaklah difailkan dengan Biro Antarabangsa melalui Pendaftar sebagai perantara disertai pembayaran fi ditetapkan.

(2) Permohonan pendaftaran antarabangsa hendaklah hanya dibuat jika pemohon—

- (a) seorang warganegara Malaysia;
- (b) suatu badan atau perbadanan yang diperbadankan atau ditubuhkan di bawah undang-undang Malaysia;
- (c) seseorang yang berdomisil di Malaysia; atau
- (d) seseorang yang mempunyai suatu pertubuhan perindustrian atau komersil yang nyata dan efektif di Malaysia.

(3) Jika seseorang layak di bawah subperaturan (2) orang itu berhak untuk memfailkan permohonan antarabangsa dengan Pendaftar dengan syarat bahawa permohonan asas atau pendaftaran asas, mengikut mana-mana yang berkenaan, digunakan sebagai asas untuk memfailkan permohonan antarabangsa dalam nama orang itu.

(4) Dua atau lebih orang sebagaimana yang diperuntukkan di bawah kaedah 8 Peraturan-Peraturan Bersama boleh memohon bersama-sama pendaftaran antarabangsa cap dagangan.

(5) Pemohon bagi pendaftaran antarabangsa cap dagangan hendaklah memperuntukkan jika diminta oleh Pendaftar apa-apa keterangan yang perlu untuk memuaskan hati Pendaftar bahawa pemohon itu layak untuk membuat permohonan itu mengikut subperaturan (2).

(6) Bagi maksud pemfailan permohonan antarabangsa, Borang MM2 (E) sebagaimana yang ditetapkan oleh Biro Antarabangsa dan Borang MP1 hendaklah dikemukakan kepada Pendaftar disertai pembayaran fi pengendalian ditetapkan bagi pemfailan permohonan antarabangsa.

Pemeriksaan permohonan antarabangsa jika Malaysia ialah Pejabat asal

62. Jika suatu permohonan antarabangsa difailkan dengan Pendaftar untuk dikemukakan ke Biro Antarabangsa, Pendaftar hendaklah menentusahkan bahawa—

- (a) Pejabat Cap Dagangan boleh dianggap sebagai Pejabat asal bagi permohonan antarabangsa; dan
- (b) butir-butir yang terdapat dalam permohonan antarabangsa itu bersamaan dengan butir-butir yang terdapat dalam permohonan asas atau pendaftaran asas, mengikut mana-mana yang berkenaan, mengikut peruntukan Protokol Madrid dan Peraturan-Peraturan Bersama.

Perakuan oleh Pendaftar

63. (1) Jika permohonan antarabangsa itu memenuhi kehendak dalam peraturan 61 dan 62, Pendaftar hendaklah —

- (a) memperaku bahawa butir-butir yang terdapat dalam permohonan antarabangsa itu bersamaan dengan butir-butir yang terdapat dalam permohonan asas atau pendaftaran asas, mengikut mana-mana yang berkenaan;
- (b) menyatakan tarikh penerimaan permohonan antarabangsa itu; dan
- (c) mengemukakan permohonan antarabangsa itu kepada Biro Antarabangsa.

(2) Jika permohonan antarabangsa itu tidak mematuhi kehendak dalam peraturan 61 dan 62, Pendaftar tidak boleh mengemukakan permohonan antarabangsa itu kepada Biro Antarabangsa dan hendaklah mengeluarkan notis bertulis kepada pemohon untuk membuat pembetulan atau pindaan kepada permohonan antarabangsa dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(3) Apabila menerima notis bertulis di bawah subperaturan (2), pemohon hendaklah memfailkan, disertai dengan pembayaran fi ditetapkan, suatu permohonan pembetulan atau pindaan permohonan antarabangsa bagi memenuhi kehendak di bawah subperaturan (1).

(4) Jika pemohon gagal untuk membuat apa-apa pembetulan atau pindaan terhadap permohonan antarabangsa, atau gagal untuk membuat pembayaran fi pengendalian, permohonan antarabangsa itu hendaklah disifatkan ditarik balik.

Ketidakteraturan yang dibangkitkan oleh Biro Antarabangsa

64. (1) Jika Biro Antarabangsa membangkitkan apa-apa ketidakaturan menurut kaedah 11, 12 atau 13 Peraturan-Peraturan Bersama untuk diremedikan oleh Pejabat asal, Pendaftar boleh melalui notis bertulis meminta pemohon, yang ketidakaturan permohonan antarabangsa itu ditujukan, untuk mengemukakan apa-apa maklumat yang perlu dengan Pendaftar dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(2) Jika pemohon mengemukakan apa-apa maklumat yang diminta dalam tempoh yang dinyatakan, Pendaftar hendaklah mengemukakan maklumat itu kepada Biro Antarabangsa.

(3) Pendaftar tidak boleh membenarkan pelanjutan masa di bawah peraturan ini.

Pengelasan barang-barang atau perkhidmatan permohonan antarabangsa

65. Bagi maksud permohonan antarabangsa, pengelasan barang-barang atau perkhidmatan hendaklah tertakluk kepada kaedah 9(4)(xiii) Peraturan-Peraturan Bersama yang keputusan Biro Antarabangsa hendaklah menjadi muktamad.

Pemberitahuan kepada Biro Antarabangsa mengenai penghentian kesan permohonan asas atau pendaftaran asas

66. (1) Mengikut Perkara 6 Protokol Madrid dan kaedah 22 Peraturan-Peraturan Bersama, selepas Pendaftar telah mengemukakan permohonan antarabangsa kepada Biro Antarabangsa, Pendaftar hendaklah—

- (a) memberitahu Biro Antarabangsa tentang berlakunya apa-apa kejadian yang disebut di bawah subperaturan (2); dan
- (b) jika berkenaan, meminta Biro Antarabangsa untuk membatalkan pendaftaran antarabangsa berkenaan dengan barang-barang atau perkhidmatan yang dilindungi oleh permohonan antarabangsa itu yang berkenaan dengannya permohonan asas atau pendaftaran asas terhenti untuk wujud oleh sebab kejadian yang disebut di bawah subperaturan (2) .

(2) Kejadian yang disebut di bawah subperaturan (1) berkaitan dengan permohonan asas atau pendaftaran asas itu ditarik balik, disekat, dihadkan, dipotong, ditolak, dikeluarkan, dibatalkan atau tidak sah, atau permohonan asas atau pendaftaran asas itu tamat tempoh, atau sebaliknya terhenti untuk mempunyai kesan—

- (a) dalam tempoh lima tahun selepas tarikh pendaftaran antarabangsa; atau
- (b) lima tahun selepas tarikh pendaftaran antarabangsa, jika penarikan balik, penyekatan, pengehadan, pemotongan, penolakan, pengeluaran, pembatalan, ketidaksahan atau tamat tempoh permohonan asas atau pendaftaran asas itu bermula sebelum berakhirnya tempoh lima tahun itu.

Penggal 3

Pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia

Subpenggal 1

Perkara permulaan

Kelayakan untuk perlindungan

67. Kehendak dalam subseksyen 17(1) Akta berkenaan dengan hasrat untuk menggunakan dipenuhi oleh pengisytiharan yang dibuat oleh pemegang pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia.

Kesan pendaftaran antarabangsa atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia

68. (1) Suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia hendaklah mempunyai kesan yang sama, dari tarikh pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau penamaan terkemudian, mengikut mana-mana yang berkenaan, sebagaimana suatu permohonan pendaftaran cap dagangan yang difailkan dengan Pendaftar.

(2) Tarikh pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau penamaan terkemudian hendaklah menjadi tarikh pemfailan di bawah seksyen 22 Akta.

(3) Pemegang pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia mempunyai, tertakluk kepada Bahagian ini, hak dan remedi yang sama yang diberikan kepada tuan punya berdaftar oleh atau di bawah Akta, tertakluk kepada peruntukan yang berkenaan dengan perbuatan yang tidak terjumlah kepada pelanggaran di bawah seksyen 55 Akta .

(4) Bagi maksud pemakaian seksyen 55 Akta di bawah subperaturan (3), dibaca bersama-sama dengan seksyen 54 Akta, sebutan mengenai barang-barang atau perkhidmatan di bawah seksyen 54 dan 55 Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai barang-barang atau perkhidmatan yang diberikan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia diberikan.

(5) Jika pemegang suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia berikutan pengeluaran pemberitahuan penolakan di bawah subperaturan 70(4), 75(1), 89(2) atau 92(1), memohon kepada Pendaftar —

- (a) untuk menafikan apa-apa hak untuk kegunaan eksklusif bagi mana-mana elemen tertentu cap dagangan itu; atau
- (b) bersetuju bahawa hak yang diberikan di Malaysia oleh pendaftaran antarabangsa hendaklah tertakluk kepada syarat atau pengehadan tertentu,

Pendaftar hendaklah mencatatkan penafian, syarat atau pengecualian itu dalam Daftar dan hendaklah menyiarkan penafian, syarat atau pengecualian itu dalam Jurnal.

(6) Jika suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia tertakluk kepada penafian, syarat atau pengecualian, hak yang diberikan oleh atau di bawah Akta hendaklah terhad oleh penafian, syarat atau pengecualian itu.

(7) Remedi bagi ancaman tidak berkesan prosiding pelanggaran yang diberikan kepada cap dagangan berdaftar oleh atau di bawah seksyen 61 Akta adalah terpakai kepada pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

(8) Bagi maksud subperaturan (7) —

(a) sebutan mengenai pendaftaran cap dagangan di bawah subseksyen 61(4) Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perlindungan suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia; dan

(b) sebutan mengenai pemberitahuan bahawa cap dagangan telah didaftarkan, atau bahawa permohonan pendaftaran telah dibuat di bawah subseksyen 61(5) Akta, hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pemberitahuan bahawa cap dagangan adalah pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia atau ialah hal perkara suatu permohonan antarabangsa atau pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia.

(9) Pemegang pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia boleh meminta Pendaftar untuk mengusahakan bagi mempercepat pemeriksaan permohonan mengikut subseksyen 17(5) Akta dan peraturan 8.

(10) Bagi maksud subperaturan (9)—

- (a) sebutan mengenai seseorang yang memohon pendaftaran cap dagangan dalam subseksyen 17(5) Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai seseorang pemegang pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia; dan
- (b) sebutan mengenai seseorang pemohon yang memfailkan atau telah memfailkan permohonan pendaftaran cap dagangan di bawah subperaturan 8(1) hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai seseorang pemegang pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia.

Keutamaan

69. (1) Tertakluk kepada subperaturan (2), peruntukan seksyen 26, 27 atau 28 Akta adalah terpakai bagi memberikan hak keutamaan berhubung dengan perlindungan suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia, sebagaimana yang terpakai berhubung dengan pendaftaran suatu cap dagangan di bawah Akta.

(2) Cara bagi menuntut keutamaan yang diberikan di bawah seksyen 26, 27 atau 28 Akta hendaklah ditentukan mengikut Protokol Madrid dan Peraturan-Peraturan Bersama.

Subpenggal 2

Pemeriksaan pendaftaran antarabangsa

Pemeriksaan pendaftaran antarabangsa

70. (1) Apabila setelah menerima suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia daripada Biro Antarabangsa, Pendaftar hendaklah memeriksa pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia itu.

(2) Pendaftar boleh membuat suatu carian, setakat yang difikirkannya perlu, mengenai cap dagangan terdahulu.

(3) Jika cap dagangan yang berhubungan dengan pendaftaran antarabangsa itu mengandungi atau terdiri daripada suatu perkataan, yang tidak dalam huruf rumi, atau bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris, Pendaftar boleh menghendaki pemegang itu untuk memberi Pendaftar maklumat yang berikut:

(a) terjemahan perkataan itu dalam bahasa kebangsaan atau bahasa Inggeris yang memuaskan hati Pendaftar; dan

(b) bahasa asal perkataan itu.

(4) Jika didapati oleh Pendaftar kehendak peraturan 67 tidak dipenuhi, atau dipenuhi hanya berhubungan dengan beberapa barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya perlindungan di Malaysia telah diminta, Pendaftar hendaklah—

(a) menolak untuk mendaftarkan permohonan antarabangsa, yang penolakan itu adalah menjadi suatu penolakan sementara, dan memberikan pemberitahuan penolakan sementara itu kepada Biro Antarabangsa dan pemegang pendaftaran antarabangsa; dan

(b) berhubung dengan pemberitahuan di perenggan (a) kepada pemegang pendaftaran antarabangsa itu, menyatakan dalam pemberitahuan itu tempoh untuk pemegang itu memberikan maklum balas.

(5) Pemegang itu boleh memohon, disertai pembayaran fi ditetapkan, bagi pelanjutan masa untuk melanjutkan masa yang dinyatakan di bawah perenggan (3)(b) bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan, tertakluk kepada peraturan 59.

(6) Pada memberikan maklum balas kepada penolakan sementara Pendaftar atau memohon bagi suatu pelanjutan masa untuk memberikan maklum balas, pemegang hendaklah memfailkan dengan Pendaftar suatu alamat bagi penyampaian di Malaysia dengan melantik dan memberi kuasa seorang ejen.

(7) Bagi maksud membuat maklum balas, pemegang itu—

- (a) boleh membuat representasi, sama ada secara bertulis, atau dengan memohon kepada Pendaftar bagi suatu pendengaran disertai pembayaran fi ditetapkan;
- (b) boleh meminda pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia supaya memenuhi syarat, pindaan, ubah suaian atau pengehadan berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan dengan memfailkan suatu permohonan untuk meminda pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia disertai pembayaran fi ditetapkan; atau
- (c) memberikan maklumat tambahan atau apa-apa maklumat lain atau keterangan melalui akuan berkanun atau, *viva voce* sebagai ganti atau sebagai tambahan kepada akuan berkanun.

(8) Apabila menerima permohonan untuk pendengaran, Pendaftar hendaklah memberikan suatu notis kepada pemegang itu suatu tarikh bagi Pendaftar untuk mendengar representasi pemegang itu.

(9) Selepas menimbangkan maklum balas yang dibuat oleh pemegang itu, Pendaftar hendaklah menyetujui terima atau menolak pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia itu.

(10) Jika Pendaftar menolak pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia, Pendaftar hendaklah menyatakan alasan penolakan yang akan disampaikan kepada pemegang secara bertulis.

(11) Jika pemegang itu berhasrat untuk mendapatkan keputusan alasan penolakan Pendaftar secara bertulis—

- (a) pemegang itu hendaklah, dalam masa dua bulan selepas tarikh alasan penolakan itu dikeluarkan, memfailkan permintaan, disertai pembayaran fi ditetapkan, bagi alasan keputusan penolakan Pendaftar itu secara bertulis; dan
- (b) Pendaftar boleh, dalam masa dua bulan selepas tarikh permintaan itu, menghantar alasan keputusan penolakan kepada pemegang itu.

(12) Pendaftar tidak boleh membenarkan pelanjutan masa bagi tempoh yang dinyatakan dalam perenggan (11)(a).

(13) Tarikh alasan keputusan penolakan Pendaftar yang bertulis dikeluarkan kepada pemegang itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud suatu rayuan kepada Mahkamah.

(14) Apa-apa rayuan ke Mahkamah terhadap keputusan Pendaftar hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh yang dinyatakan di bawah subperaturan (13).

(15) Pemegang boleh memohon, disertai pembayaran fi ditetapkan, bagi pelanjutan masa untuk tempoh tidak melebihi dua bulan untuk memfailkan rayuan kepada Mahkamah.

Penyiaran

71. Jika Pendaftar berpuas hati bahawa kehendak peraturan 67 dipenuhi berhubung dengan beberapa atau semua barang atau perkhidmatan yang dinyatakan dalam pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia, Pendaftar hendaklah menyiarkan butir-butir pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia itu dalam Jurnal.

Subpenggal 3

*Prosiding bangkangan bagi pendaftaran antarabangsa***Notis bangkangan**

72. (1) Mana-mana orang boleh memfailkan dengan Pendaftar, disertai pembayaran fi ditetapkan, suatu notis bangkangan untuk menentang pemberian perlindungan kepada suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia dalam masa dua bulan dari tarikh penyiaran dalam Jurnal.

(2) Orang yang bercadang untuk memfailkan notis bangkangan boleh memohon pelanjutan masa, disertai pembayaran fi ditetapkan, untuk melanjutkan masa yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) bagi tempoh tidak melebihi dua bulan, tertakluk kepada peraturan 59.

(3) Peraturan 23 adalah terpakai, bagi kandungan notis bangkangan dan pernyataan alasan bagi bangkangan, dan kepada kehendak pemfailan affidavit penyampaian.

(4) Bagi maksud pemakaian peraturan 23—

(a) sebutan dalam peraturan itu mengenai tarikh penyiaran permohonan pendaftaran hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai tarikh penyiaran pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia di bawah peraturan 71; dan

(b) sebutan mengenai pemohon hendaklah dianggap sebagai sebutan mengenai pemegang.

(5) Bagi maksud memfailkan notis bangkangan, jika pihak pembangkang tidak memenuhi kehendak di bawah seksyen 151 Akta, pembangkang itu hendaklah memfailkan dengan Pendaftar suatu alamat bagi penyampaian di Malaysia dengan melantik dan memberi kuasa kepada seseorang ejen.

(6) Jika suatu notis bangkangan difailkan, Pendaftar hendaklah memberitahu kepada Biro Antarabangsa mengenai bangkangan dan alasan bangkangan itu.

Masa untuk menghantar pernyataan balas

73. (1) Dalam tempoh dua bulan selepas diberitahu oleh Biro Antarabangsa tentang notis bangkangan, pemegang itu hendaklah memfailkan suatu pernyataan balas dengan Pendaftar, disertai pembayaran fi ditetapkan, dan pada masa yang sama hendaklah menghantar suatu salinan pernyataan balas kepada pembangkang itu.

(2) Tarikh apabila pembangkang menerima pernyataan balas itu hendaklah menjadi tarikh penerimaan pernyataan balas, dan subperaturan 24 (2) adalah terpakai.

(3) Pemegang itu boleh memohon, disertai pembayaran fi ditetapkan, bagi suatu pelanjutan masa untuk melanjutkan masa yang dinyatakan di bawah subperaturan (1) bagi suatu tempoh tidak melebihi enam bulan, tertakluk kepada peraturan 59.

(4) Jika pemegang itu gagal memfailkan pernyataan balas itu dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan (1) atau tempoh lanjutan dalam subperaturan (2), setakat yang ia berkaitan dengan barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya bangkangan itu ditujukan, penamaan pemegang atau penamaan kemudiannya berkenaan dengan barang-barang atau perkhidmatan itu hendaklah disifatkan ditarik balik, dan bangkangan hendaklah diteruskan itu berkenaan dengan barang-barang atau perkhidmatan itu.

(5) Jika pemegang itu tidak melantik seseorang ejen dan memfailkan suatu alamat bagi penyampaian di Malaysia, pemegang itu hendaklah memfailkan dengan Pendaftar suatu alamat bagi penyampaian di Malaysia dengan melantik dan memberi kuasa kepada seseorang ejen.

Prosiding bangkangan lanjut

74. (1) Apabila suatu notis bangkangan dan suatu pernyataan balas difailkan, peraturan 25 hingga 34 adalah terpakai bagi prosiding lanjutan berkenaan dengan bangkangan atau pernyataan balas itu.

(2) Sebaik sahaja selepas tamat tempoh yang diberitahu mengikut peraturan 30, Pendaftar hendaklah menimbangkan keterangan, ekshibit dan apa-apa hujahan bertulis dan, mengikut subseksyen 35(8) Akta, boleh dalam masa dua bulan menyampaikan keputusan dan alasan keputusannya secara bertulis kepada pihak-pihak prosiding bangkangan.

(3) Tarikh yang alasan keputusan Pendaftar dikeluarkan kepada pihak-pihak hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud rayuan kepada Mahkamah.

(4) Apa-apa rayuan kepada Mahkamah hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh yang disebutkan di bawah subperaturan (2).

(5) Mana-mana pihak boleh memohon bagi suatu pelanjutan masa disertai pembayaran fi ditetapkan untuk memfailkan rayuan kepada Mahkamah dalam subperaturan (3) bagi tempoh tidak melebihi dua bulan.

(6) Bagi maksud pemakaian peraturan 23 hingga 33—

(a) sebutan dalam peraturan-peraturan itu kepada pemohon hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pemegang; dan

(b) sebutan dalam peraturan-peraturan itu kepada permohonan itu hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia.

Pemberitahuan penolakan

75. (1) Kecuali jika penolakan itu berdasarkan kepada suatu bingkangan, suatu pemberitahuan penolakan tidak boleh diberikan selepas tamat tempoh lapan belas bulan selepas tarikh pemberitahuan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia dihantar kepada Pendaftar.

(2) Jika terdapat kemungkinan bahawa bingkangan itu akan difailkan selepas tamatnya tempoh lapan belas bulan, Pendaftar hendaklah memaklumkan kepada Biro Antarabangsa, mengikut Perkara 5(2)(c) Protokol Madrid, mengenai kemungkinan pemberitahuan penolakan sementara berdasarkan kemungkinan bingkangan itu difailkan.

(3) Suatu pemberitahuan penolakan sementara hendaklah menyatakan perkara yang dikehendaki oleh Perkara 5 Protokol Madrid dan kaedah 17 Peraturan-Peraturan Bersama.

(4) Pendaftar hendaklah memberitahu Biro Antarabangsa selepas keputusan muktamad dibuat jika —

- (a) pemegang telah memberikan maklum balas dalam tempoh yang dinyatakan dalam perenggan 70(4)(b) atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan di bawah subperaturan 70(5); atau
- (b) pemegang telah memfailkan pernyataan balas dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 73(1) atau apa-apa tempoh lanjutan di bawah subperaturan 73(2).

(5) Bagi maksud peraturan ini, keputusan muktamad hendaklah dianggap sebagai telah dibuat jika —

- (a) Pendaftar atau Mahkamah mengenai rayuan kepada keputusan Pendaftar memutuskan sama ada penolakan itu hendaklah dikekalkan, secara keseluruhan atau berhubungan dengan hanya

beberapa barang-barang atau perkhidmatan yang berhubungan dengannya perlindungan di Malaysia diminta, dan apa-apa hak untuk merayu terhadap keputusan itu tamat atau habis;

- (b) apa-apa representasi atau pernyataan balas ditarik balik; atau
- (c) prosiding yang berhubungan dengan penolakan itu dihentikan atau disifatkan ditarik balik.

Subpenggal 4

Perlindungan

Perlindungan terpakai kepada cap dagangan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia

76. (1) Perlindungan yang dinyatakan dalam peraturan 78 terpakai kepada suatu cap dagangan yang tertakluk kepada suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia jika—

- (a) tempoh lapan belas bulan selepas penamaan atau penamaan kemudiannya telah tamat tempoh dan pemberitahuan penolakan tidak diberikan dan Biro Antarabangsa tidak dimaklumkan bahawa apa-apa notis bangkangan boleh difailkan selepas tamat tempoh masa itu; atau
- (b) selepas Pendaftar telah memeriksa pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia dan menyiarkan butir-butirnya dalam Jurnal, salah satu daripada keadaan berikut berlaku:
 - (i) tempoh lapan belas bulan selepas penamaan atau penamaan kemudiannya tidak tamat tempoh, tetapi tempoh selepas tarikh penyiaran bagi memfailkan notis bangkangan telah tamat tempoh tanpa pemberitahuan berdasarkan bangkangan atau sebaliknya telah diberikan:

- (ii) tempoh lapan belas bulan selepas penamaan atau penamaan kemudiannya tamat tempoh dan tempoh pemberian notis bangkangan yang dinyatakan dalam subperaturan 93(2) termasuk apa-apa tempoh lanjutan tamat tempoh tanpa notis bangkangan diberikan;
- (iii) pemberitahuan penolakan telah diberikan berkenaan dengan beberapa barang-barang atau perkhidmatan, dan pemegang itu—
 - (A) tidak memberikan maklum balas dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pendaftar di bawah subperaturan 70(4) termasuk apa-apa tempoh lanjutan; atau
 - (B) tidak memfailkan pernyataan balas dalam tempoh yang dinyatakan dalam peraturan 73 termasuk apa-apa tempoh lanjutan; atau
 - (C) telah memaklumkan kepada Pendaftar bahawa pemegang itu tidak berhasrat untuk memberikan maklum balas atau memfailkan pernyataan balas; dan
- (c) pemberitahuan penolakan telah diberikan berkenaan dengan beberapa atau semua barang atau perkhidmatan dan Pendaftar memberitahu Biro Antarabangsa bahawa suatu keputusan muktamad telah dibuat untuk memberi kesan bahawa penolakan itu ditarik balik, atau ditarik balik berkenaan dengan beberapa barang-barang atau perkhidmatan.

(2) Seberapa segera yang mungkin selepas masa apabila perlindungan yang dinyatakan dalam peraturan 78 mula terpakai kepada suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia, Pendaftar hendaklah memberitahu Biro Antarabangsa

bahawa pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia itu diberikan perlindungan di Malaysia.

(3) Dalam peraturan ini, barang-barang atau perkhidmatan bermaksud barang-barang atau perkhidmatan yang dikenakan dengannya perlindungan di Malaysia telah diperluas.

Perlindungan diperluas kepada pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia, sebagaimana dibetulkan

77. (1) Perlindungan yang dinyatakan dalam peraturan 78 diperluas kepada suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia, sebagaimana yang dibetulkan, jika—

- (a) tempoh lapan belas bulan selepas tarikh pemberitahuan telah tamat dan pemberitahuan penolakan tidak diberikan dan Biro Antarabangsa tidak dimaklumkan bahawa apa-apa notis bangkangan boleh difailkan selepas tamat tempoh itu; atau
- (b) selepas Pendaftar memeriksa pendaftaran antarabangsa, sebagaimana yang dibetulkan, dan menyiarkan butir-butir yang berkaitan dalam Jurnal, salah satu daripada keadaan yang berikut telah berlaku:
 - (i) tempoh lapan belas bulan selepas tarikh pemberitahuan belum tamat tempoh, tetapi tempoh selepas tarikh bagi memfailkan notis bangkangan telah tamat tanpa pemberitahuan suatu penolakan sementara berdasarkan bangkangan atau sebaliknya yang telah diberikan;
 - (ii) tempoh lapan belas bulan selepas tarikh pemberitahuan tamat tempoh dan tempoh bagi pemfailan suatu notis bangkangan yang dinyatakan dalam peraturan 91 termasuk

apa-apa tempoh lanjutan tamat tanpa suatu notis bingkangan telah difailkan;

(iii) pemberitahuan penolakan telah diberikan berkenaan dengan beberapa barang-barang atau perkhidmatan dan pemegang itu—

(A) tidak memberikan maklum balas dalam tempoh yang dinyatakan oleh Pendaftar di bawah subperaturan 89(2), termasuk apa-apa tempoh lanjutan;

(B) tidak memfailkan pernyataan balas dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 91(2) termasuk apa-apa tempoh lanjutan; atau

(C) telah memaklumkan Pendaftar bahawa pemegang itu tidak berhasrat untuk memberikan maklum balas atau memfailkan pernyataan balas; dan

(iv) pemberitahuan penolakan telah diberikan berkenaan dengan beberapa atau semua barang atau perkhidmatan dan Pendaftar memberitahu Biro Antarabangsa bahawa keputusan muktamad telah dibuat untuk memberi kesan bahawa penolakan ditarik balik, atau ditarik balik berkenaan dengan beberapa barang-barang atau perkhidmatan.

(2) Seberapa segera yang mungkin selepas tempoh apabila perlindungan yang dinyatakan dalam peraturan 78 mula terpakai kepada suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia, sebagaimana dibetulkan, Pendaftar hendaklah memberitahu Biro Antarabangsa bahawa perlindungan itu telah diperluas.

(3) Dalam peraturan ini—

- (a) “tarikh pemberitahuan” ertinya tarikh Pendaftar menerima daripada Biro Antarabangsa suatu pemberitahuan pembetulan kepada suatu pendaftaran antarabangsa;
- (b) “barang-barang atau perkhidmatan” ertinya barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya perlindungan di Malaysia akan diperluas di bawah pendaftaran antarabangsa, sebagaimana dibetulkan.

Perlindungan

78. (1) Tertakluk kepada peraturan 76 dan 77—

- (a) pendaftaran antarabangsa menamakan Malaysia hendaklah dilindungi sebagai pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia; dan
- (b) jika Pendaftar mengeluarkan suatu penolakan berkenaan dengan beberapa barang-barang atau perkhidmatan dalam permohonan pendaftaran antarabangsa, perlindungan itu adalah terpakai hanya berhubungan dengan barang-barang atau perkhidmatan selebihnya itu.

(2) Suatu cap dagangan yang dilindungi hendaklah dianggap sebagai didaftarkan di bawah Akta pada dan dari—

- (a) tarikh pendaftaran antarabangsa, jika permintaan bagi memperluaskan perlindungan ke Malaysia disebut dalam permohonan antarabangsa; atau

(b) tarikh yang permintaan bagi memperluaskan perlindungan ke Malaysia itu direkodkan dalam daftar antarabangsa, jika permintaan itu dibuat lepas pendaftaran antarabangsa.

(3) Suatu cap dagangan terlindung yang dibetulkan hendaklah dianggap sebagai didaftarkan, sebagaimana dibetulkan, di bawah Akta—

(a) pada dan dari tarikh yang dua bulan selepas tarikh penyiaran dalam Jurnal; atau

(b) jika notis bangkangan difailkan berhubung dengan pembetulan, pada dan dari tarikh keadaan yang diperihalkan dalam subperenggan 77 (1)(b)(iii) atau (iv) telah berlaku.

(4) Subperaturan (2) hendaklah dibaca bersama dengan peraturan 107.

Subpenggal 5

Pembahagian dan penggabungan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia

Pembahagian pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia

79. Pemegang suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar bagi pembahagian pendaftaran mengenai kelas-kelas dalam pendaftaran atau barang-barang atau perkhidmatan tertentu dalam pendaftaran.

Pembahagian cap dagangan antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia

80. Pemegang pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar untuk pembahagian cap dagangan mengenai kelas-kelas dalam cap dagangan atau barang-barang atau perkhidmatan yang tertentu dalam cap dagangan itu.

Kehendak bagi permohonan pembahagian

81. Suatu permohonan pembahagian hendaklah dipohon dalam Borang MM22(E) sebagaimana yang ditetapkan oleh Biro Antarabangsa dan Borang MP2, disertai pembayaran fi ditetapkan dan mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat bagi penyampaian pemegang;
- (b) jika pemohon mempunyai ejen, nama ejennya;
- (c) nombor pendaftaran antarabangsa atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia atau nombor permohonan negara atau nombor pendaftaran;
- (d) dalam hal pembahagian kelas barang-barang atau perkhidmatan, suatu senarai kelas yang akan dibahagikan;
- (e) dalam hal pembahagian barang-barang atau perkhidmatan, senarai barang-barang atau perkhidmatan yang akan dibahagikan;
- (f) jika pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia tertakluk kepada prosiding yang difailkan kepada Mahkamah, suatu pernyataan yang pihak lain, atau pihak, kepada prosiding itu telah bersetuju dengan permohonan bagi pembahagian; dan
- (g) jika pemegang itu tidak melantik atau memberi kuasa kepada ejen dan tidak memfailkan alamat bagi penyampaian di Malaysia, pemegang itu hendaklah memfailkan dengan Pendaftar alamat bagi penyampaian di Malaysia dengan melantik dan memberi kuasa kepada seseorang ejen.

Pendaftar hendaklah mengemukakan permohonan bagi pembahagian kepada Biro Antarabangsa

82. Jika Pendaftar berpuas hati bahawa suatu permohonan bagi pembahagian dibuat mengikut peraturan 79 hingga 81, sebagaimana yang relevan, Pendaftar hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Biro Antarabangsa.

Kesan pembahagian pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia

83. Jika Biro Antarabangsa memberi notis bahawa pembahagian suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia telah direkodkan—

- (a) Pendaftar hendaklah menggambarkan pembahagian itu dalam rekod; dan
- (b) bahagian yang dibahagikan itu hendaklah berasingan daripada pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia yang asal dan mengekalkan tarikh pemfailan—
 - (i) pendaftaran antarabangsa asal itu; atau
 - (ii) tarikh permintaan yang peluasan perlindungan ke Malaysia itu direkodkan dalam Daftar Antarabangsa.

Kesan pembahagian pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia

84. Jika Biro Antarabangsa memberi notis bahawa pembahagian suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia telah direkodkan—

- (a) Pendaftar hendaklah menggambarkan pembahagian itu dalam Daftar; dan
- (b) bahagian yang dibahagikan itu hendaklah berasingan daripada cap dagangan yang asal dan mengekalkan tarikh pemfailan—
 - (i) pendaftaran antarabangsa asal itu; atau

- (ii) tarikh permintaan yang peluasan perlindungan ke Malaysia itu direkodkan dalam daftar antarabangsa.

Penggabungan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau cap dagangan antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia

85. (1) Seorang pemegang dua atau lebih pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar bagi penggabungan dua atau lebih daripada pendaftaran itu dengan syarat bahawa pendaftaran itu sebelum ini telah dibahagikan daripada pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia mengikut peraturan 79.

(2) Seorang pemegang dua atau lebih pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia boleh memohon kepada Pendaftar bagi penggabungan dua atau lebih cap dagangan itu dengan syarat bahawa cap dagangan itu sebelum ini telah dibahagikan daripada pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia mengikut peraturan 80.

Kehendak bagi permohonan penggabungan

86. Permohonan bagi penggabungan hendaklah dipohon dalam Borang MM24(E) sebagaimana yang ditetapkan oleh Biro Antarabangsa dan Borang MP 3 disertai pembayaran fi ditetapkan dan mengandungi maklumat yang berikut:

- (a) nama dan alamat penyampaian pemohon;
- (b) jika pemohon mempunyai ejen, nama ejennya; dan
- (c) nombor setiap pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia yang ingin digabungkan.

Pendaftar hendaklah mengemukakan permohonan bagi penggabungan kepada Biro Antarabangsa

87. (1) Jika Pendaftar berpuas hati bahawa suatu permohonan dibuat mengikut peraturan 85 dan 86, Pendaftar hendaklah mengemukakan permohonan itu kepada Biro Antarabangsa.

(2) Jika Biro Antarabangsa memberi notis bahawa penggabungan itu telah direkodkan, Pendaftar hendaklah menggambarkan penggabungan itu dalam rekod atau Daftar.

Subpenggal 6

Pembetulan

Pendaftar boleh memeriksa pembetulan pendaftaran antarabangsa

88. (1) Peraturan ini adalah terpakai jika Pendaftar menerima daripada Biro Antarabangsa suatu pemberitahuan pembetulan kepada salah satu daripada yang berikut:

(a) suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia yang telah diperiksa oleh Pendaftar tetapi yang perlindungan dalam peraturan 78 tidak terpakai; atau

(b) suatu pendaftaran antarabangsa yang berkenaan dengan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

(2) Pendaftar boleh memeriksa sama ada pendaftaran antarabangsa, sebagaimana yang dibetulkan, diteruskan untuk memenuhi kehendak peraturan 78.

(3) Subperaturan 80(2) adalah terpakai, dengan apa-apa ubah suaian yang perlu, yang berhubungan dengan pendaftaran antarabangsa, sebagaimana yang dibetulkan.

Jika Pendaftar berpendapat kehendak peraturan 67 tidak lagi dipenuhi

89. (1) Peraturan ini adalah terpakai jika Pendaftar berpendapat bahawa, berhubung dengan suatu pendaftaran antarabangsa, sebagaimana yang dibetulkan, kehendak peraturan 67 tidak lagi dipenuhi.

(2) Jika kehendak peraturan 67 tidak lagi dipenuhi, Pendaftar hendaklah—

(a) memberi notis penolakan mengenai pembetulan itu kepada Biro Antarabangsa; dan

(b) menyatakan dalam pemberitahuan dalam perenggan (a) tempoh yang pemegang itu boleh memberikan maklum balas..

(3) Subperaturan 70(4) dan (15) adalah terpakai kepada maklum balas pemegang itu.

Jika Pendaftar berpendapat kehendak peraturan 67 dipenuhi

90. Jika Pendaftar berpuas hati bahawa kehendak peraturan 67 dipenuhi berhubung dengan beberapa atau semua barang atau perkhidmatan yang dinyatakan dalam pendaftaran antarabangsa, sebagaimana yang dibetulkan, Pendaftar hendaklah menyiarkan butir-butir mengenai pendaftaran antarabangsa itu, sebagaimana yang dibetulkan, dalam Jurnal.

Notis bangkangan bagi pembetulan

91. (1) Mana-mana orang boleh membangkang suatu pembetulan kepada pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia dengan memfailkan dengan Pendaftar suatu notis bangkangan disertai pembayaran fi ditetapkan dalam masa dua bulan selepas penyiaran dalam Jurnal.

(2) Orang dalam subperaturan (1) boleh memohon, disertai pembayaran fi ditetapkan, bagi suatu pelanjutan masa untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan

dalam subperaturan (1) bagi tempoh yang tidak melebihi dua bulan, tertakluk kepada peraturan 59.

(3) Peraturan 72 hingga 74 adalah terpakai kepada pembangkang dan pemegang itu.

Pemberitahuan penolakan pembetulan

92. (1) Kecuali jika penolakan itu berasaskan kepada bangkangan, suatu pemberitahuan penolakan pembetulan tidak boleh diberikan selepas tamat tempoh lapan belas bulan selepas tarikh pemberitahuan.

(2) Jika terdapat kemungkinan bahawa notis bangkangan itu boleh difailkan selepas tamat tempoh lapan belas bulan, Pendaftar hendaklah memberitahu Biro Antarabangsa, mengikut Perkara 5(2)(c) Protokol Madrid, mengenai kemungkinan pemberitahuan penolakan sementara itu berasaskan kepada kemungkinan bangkangan itu difailkan .

(3) Suatu pemberitahuan penolakan hendaklah menyatakan perkara yang dikehendaki oleh Perkara 5 Protokol Madrid dan kaedah 17 Peraturan-Peraturan Bersama.

(4) Pendaftar hendaklah memberitahu Biro Antarabangsa selepas apa-apa keputusan muktamad dibuat jika —

(a) pemegang telah memberikan maklum balas dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 89 (2) atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan di bawah subperaturan 89 (3); atau

(b) pemegang itu telah memfailkan pernyataan balas dalam tempoh yang dinyatakan dalam subperaturan 73(1) atau apa-apa tempoh lanjutan yang dibenarkan di bawah subperaturan 73(2).

- (5) Dalam peraturan ini—
- (a) “tarikh pemberitahuan” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam subperaturan 83(3);
- (b) “keputusan muktamad” ertinya keputusan muktamad dalam pengertian peraturan 75 seolah-olah pemberitahuan pembedaan itu ialah permintaan bagi perlindungan di Malaysia.

Subpenggal 7

Pembatalan dan ketidaksahan

Pembatalan dan ketidaksahan

93. (1) Peruntukan seksyen 45, 46 dan 47 Akta hendaklah, dengan ubah suai yang perlu, terpakai untuk membenarkan perlindungan suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia dibatalkan atau diisytiharkan tidak sah.

- (2) Bagi maksud pemakaian seksyen 45, 46 dan 47 Akta—
- (a) sebutan mengenai tuan punya berdaftar dalam seksyen 45 dan 46 Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai pemegang pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia;
- (b) sebutan mengenai tarikh pengeluaran pemberitahuan pendaftaran dalam subseksyen 46(1) Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai tarikh pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia menjadi terlindung;
- (c) sebutan mengenai barang-barang atau perkhidmatan yang baginya cap dagangan itu didaftarkan dalam subseksyen 46(4) dan 47(7) Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai yang berkenaan dengannya ia terlindung;

- (d) sebutan mengenai pendaftaran suatu cap dagangan yang dibatalkan dalam seksyen 45 dan 46 Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perlindungan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia dibatalkan; dan
- (e) sebutan mengenai pendaftaran cap dagangan yang diisytiharkan tidak sah dalam seksyen 47 Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perlindungan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia diisytiharkan tidak sah.

(3) Peruntukan seksyen 140 Akta dan peraturan 51 hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai bagi prosedur apabila permohonan bagi pembatalan atau pengisytiharan ketidaksahan perlindungan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

(4) Jika perlindungan suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia dibatalkan atau diisytiharkan tidak sah sehingga apa-apa takat, Pendaftar hendaklah memberitahu Biro Antarabangsa dan —

- (a) dalam hal pembatalan di bawah seksyen 45 Akta, perlindungan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia hendaklah disifatkan tidak pernah diperluaskan dan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia yang telah dibatalkan itu hendaklah tertakluk kepada pemeriksaan atau prosiding lanjut sebagaimana yang ditentukan oleh Pendaftar;
- (b) dalam hal pembatalan di bawah seksyen 46 Akta, hak pemegangnya hendaklah disifatkan telah terhenti wujud setakat itu dari tarikh permohonan untuk pembatalan, atau jika Mahkamah berpuas hati bahawa alasan pembatalan wujud pada tarikh yang lebih awal, tarikh itu;

- (c) dalam hal pengisytiharan ketidaksahan di bawah seksyen 47 Akta, cap dagangan itu hendaklah setakat itu disifatkan tidak pernah menjadi suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia, tetapi ini tidak akan menjejaskan transaksi yang lalu dan ditutup.

Perlindungan muktamad

94. (1) Seksyen 53 Akta adalah terpakai bagi pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

(2) Bagi maksud pemakaian seksyen 53 Akta, sebutan dalam seksyen itu mengenai pendaftaran hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perlindungan suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

Perakuan kesahan

95. Peruntukan seksyen 143 Akta hendaklah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubungan dengan prosiding di hadapan Mahkamah yang kesahan perlindungan suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia itu dipersoalkan.

Subpenggal 8

Pengimportan barang-barang cap dagangan yang melanggar

Sekatan ke atas pengimportan barang-barang cap dagangan yang melanggar

96. (1) Bahagian XIII Akta adalah terpakai bagi pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), sebutan mengenai cap dagangan berdaftar dalam Bahagian XIII Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perlindungan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

Subpenggal 9

Kesalahan

Kesalahan

97. (1) Bahagian XV dan XVI Akta dan peraturan 116 adalah terpakai bagi pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

(2) Bagi maksud subperaturan (1), sebutan mengenai cap dagangan berdaftar hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai perlindungan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

Subpenggal 10

Perkara-perkara lain

Pembaharuan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia

98. Pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia, yang telah diperbaharui mengikut Perkara 7 Protokol Madrid hendaklah terus mempunyai kesan di Malaysia.

Pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia dan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia sebagai objek harta

99. (1) Seksyen 64, 65 dan 67 Akta adalah terpakai, dengan ubah suaian yang perlu, berhubung dengan suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia atau suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia sebagaimana ia terpakai berhubung dengan cap dagangan berdaftar atau suatu permohonan untuk pendaftaran cap dagangan, mengikut mana-mana yang berkenaan.

(2) Seksyen 65 dan 67 dan garis panduan atau arahan amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 160 Akta adalah terpakai kepada pendaftaran mengenai butir-butir transaksi yang boleh didaftarkan yang memberi kesan kepada pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia.

(3) Seksyen 65 dan 67 dan garis panduan atau arahan amalan yang dikeluarkan di bawah seksyen 160 Akta adalah terpakai kepada pendaftaran mengenai

butir-butir transaksi yang boleh didaftarkan yang memberi kesan kepada pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia yang mana Pendaftar hendaklah, tertakluk kepada peraturan 90 atau 102, diberitahu mengenai butir-butir transaksi yang boleh didaftarkan yang memberi kesan kepada pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia.

Pelesenan

100. (1) Seksyen 68 hingga 71 Akta adalah, dengan ubah suaian yang perlu, terpakai berhubung dengan lesen untuk menggunakan suatu perlindungan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia sebagaimana seksyen itu terpakai berhubung dengan lesen untuk menggunakan suatu cap dagangan berdaftar.

(2) Sebutan mengenai barang-barang atau perkhidmatan yang baginya cap dagangan itu didaftarkan mengikut perenggan 69(2)(a) Akta hendaklah ditafsirkan sebagai sebutan mengenai barang-barang atau perkhidmatan yang mengenainya cap dagangan itu terlindung di Malaysia.

Catatan dalam Daftar Antarabangsa

101. (1) Apa-apa catatan yang dibuat dalam Daftar Antarabangsa mengenai suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia, hendaklah mempunyai kesan yang sama seolah-olah ia telah direkodkan oleh Pendaftar dalam Daftar itu.

(2) Jika Pendaftar berpendapat bahawa catatan yang disebut di bawah subperaturan (1) tidak mempunyai kesan di Malaysia, Pendaftar hendaklah, jika diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Bersama di bawah Protokol Madrid, menyalurkan komunikasi kepada Biro Antarabangsa mengenai kesan ini mengikut peruntukan yang relevan dengan Peraturan-Peraturan Bersama dan peraturan 102.

Perisytiharan bahawa pertukaran pemunyaan dalam suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia tidak mempunyai kesan di Malaysia

102. (1) Jika Malaysia diberitahu oleh Biro Antarabangsa mengenai suatu pertukaran dalam pemunyaan bagi suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan

Malaysia atau suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia dan Pendaftar berpendapat bahawa catatan yang disebut dalam subperaturan 101 (1) itu tidak mempunyai kesan di Malaysia dan pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia hendaklah kekal atas nama pemegang itu.

(2) Pendaftar hendaklah, jika diperuntukkan dalam Peraturan-Peraturan Bersama, menyalurkan komunikasi kepada Biro Antarabangsa bahawa pertukaran pemunyaan suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menetapkan Malaysia dalam subperaturan (1) tidak mempunyai kesan di Malaysia.

(3) Pengisytiharan yang tidak mempunyai kesan hendaklah menyatakan sebab pertukaran pemunyaan itu tidak mempunyai kesan di Malaysia memandangkan rekod itu adalah bertentangan dengan seksyen 64, 65 atau 67 Akta.

(4) Perisytiharan yang tidak mempunyai kesan itu hendaklah disampaikan ke Biro Antarabangsa sebelum tamat tempoh lapan belas bulan dari tarikh pemberitahuan yang disebut dalam subperaturan (1) dihantar ke Malaysia.

(5) Pemegang pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia boleh membuat representasi secara bertulis kepada Pendaftar terhadap keputusan Pendaftar dalam masa dua bulan dari tarikh diberitahu oleh Biro Antarabangsa.

(6) Jika pemegang itu gagal membuat apa-apa representasi bertulis, pemberitahuan pertukaran pemunyaan itu akan terus tidak memberi kesan di Malaysia.

(7) Selepas menimbang representasi bertulis yang dibuat oleh pemegang, Pendaftar hendaklah mengisytiharkan bahawa pertukaran pemunyaan itu mempunyai atau tidak mempunyai kesan di Malaysia dan menyatakan secara bertulis alasan keputusan itu dan memaklumkan kepada pemegang.

(8) Tarikh yang Pendaftar mengeluarkan alasan bertulis keputusan kepada pemegang itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud suatu rayuan kepada Mahkamah.

(9) Apa-apa rayuan kepada Mahkamah hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh yang dinyatakan di bawah subperaturan (8).

(10) Pemegang boleh, disertai pembayaran fi yang ditetapkan, memohon untuk pelanjutan tempoh untuk memfailkan rayuan ke Mahkamah selama tempoh tidak melebihi dua bulan.

(11) Apa-apa keputusan muktamad yang berhubungan dengan perisytiharan di bawah peraturan ini hendaklah diberitahu kepada Biro Antarabangsa.

(12) Dalam membuat representasi kepada Pendaftar, pemegang itu hendaklah memfailkan dengan Pendaftar suatu alamat bagi penyampaian di Malaysia dengan melantik dan memberi kuasa kepada ejen.

(13) Bagi maksud peraturan ini, suatu keputusan muktamad hendaklah dianggap sebagai dibuat jika—

- (a) Pendaftar, atau Mahkamah atas rayuan terhadap keputusan Pendaftar memutuskan sama ada keputusan Pendaftar di bawah subperaturan (7) hendaklah dikekalkan, dan apa-apa hak rayuan terhadap keputusan itu tamat atau selesai;
- (b) apa-apa representasi ditarik balik; atau
- (c) prosiding yang berhubungan dengan pemberitahuan pertukaran pemunyaan itu dihentikan atau dianggap ditarik balik.

Perisytiharan pengehadan barang-barang atau perkhidmatan dalam pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia tidak mempunyai kesan di Malaysia

103. (1) Jika Malaysia diberitahu oleh Biro Antarabangsa mengenai pengehadan senarai barang-barang atau perkhidmatan dalam suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau suatu pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia dan Pendaftar menganggap bahawa catatan yang disebut dalam subperaturan 101(1) tidak mempunyai kesan di Malaysia, Pendaftar hendaklah, jika diperuntukkan sedemikian dalam Peraturan-Peraturan Bersama, menghantar komunikasi kepada Biro Antarabangsa bagi maksud ini jika pengehadan tidak terpakai kepada barang-barang atau perkhidmatan yang terkesan daripada perisytiharan itu.

(2) Perisytiharan yang tidak mempunyai kesan hendaklah menyatakan sebab pengehadan itu tidak mempunyai kesan di Malaysia memandangkan rekod itu adalah bertentangan dengan seksyen 32, 33, perenggan 43(1)(b) atau seksyen 44 Akta.

(3) Pengisytiharan yang tidak mempunyai kesan hendaklah dihantar kepada Biro Antarabangsa sebelum tamat masa lapan belas bulan daripada tarikh pemberitahuan yang disebut dalam subperaturan (1) dihantar ke Malaysia.

(4) Pemegang pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia boleh membuat representasi secara bertulis kepada Pendaftar terhadap perisytiharan dalam subperaturan (2) dalam masa dua bulan dari tarikh diberitahu oleh Biro Antarabangsa.

(5) Jika pemegang itu gagal membuat apa-apa representasi bertulis di bawah subperaturan (4), pemberitahuan pengehadan senarai barang-barang atau perkhidmatan itu akan terus tidak memberi kesan di Malaysia.

(6) Selepas menimbangkan representasi bertulis yang dibuat oleh pemegang di bawah subperaturan (4), Pendaftar hendaklah mengisytiharkan bahawa pengehadan senarai barang-barang atau perkhidmatan itu mempunyai atau tidak mempunyai kesan di Malaysia dan menyatakan secara bertulis alasan keputusan itu dan memaklumkan kepada pemegang.

(7) Tarikh Pendaftar mengeluarkan alasan keputusan kepada pemegang itu hendaklah disifatkan sebagai tarikh keputusan Pendaftar bagi maksud suatu rayuan kepada Mahkamah.

(8) Apa-apa rayuan kepada Mahkamah hendaklah dibuat dalam masa satu bulan dari tarikh yang dinyatakan di bawah subperaturan (7).

(9) Pemegang boleh memohon untuk pelanjutan tempoh disertai pembayaran fi ditetapkan untuk pelanjutan tempoh untuk rayuan ke Mahkamah bagi tempoh tidak melebihi dua bulan.

(10) Apa-apa keputusan muktamad yang berhubungan dengan perisytiharan di bawah peraturan ini hendaklah diberitahu kepada Biro Antarabangsa.

(11) Dalam membuat representasi kepada Pendaftar, pemegang itu hendaklah memfailkan dengan Pendaftar suatu alamat bagi penyampaian di Malaysia dengan melantik dan memberi kuasa kepada ejen.

(12) Bagi maksud peraturan ini, suatu keputusan muktamad hendaklah dianggap sebagai dibuat jika—

- (a) Pendaftar, atau Mahkamah atas rayuan daripada Pendaftar, memutuskan sama ada keputusan Pendaftar hendaklah dikekalkan, dan apa-apa hak rayuan terhadap keputusan itu tamat atau selesai;
- (b) apa-apa representasi ditarik balik; atau
- (c) prosiding yang berhubungan dengan pemberitahuan pengehadan senarai barang-barang atau perkhidmatan telah dihentikan atau disifatkan ditarik balik.

Penggala 4

*Transformasi pendaftaran antarabangsa menamakan Malaysia dalam permohonan negara***Permohonan transformasi**

104. (1) Jika suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia dipotong atas permintaan Pejabat asal di bawah Perkara 6 (4) Protokol Madrid, bagi semua atau beberapa barang-barang atau perkhidmatan yang disenaraikan dalam pendaftaran antarabangsa, pemegang pendaftaran antarabangsa boleh memfailkan suatu permohonan dengan Pendaftar bagi pendaftaran cap dagangan yang sama berkenaan dengan barang-barang atau perkhidmatan yang diliputi oleh senarai barang-barang atau perkhidmatan yang terkandung dalam pendaftaran antarabangsa dalam masa tiga bulan dari tarikh pendaftaran antarabangsa dipotong.

(2) Suatu permohonan di bawah subperaturan (1) hendaklah dibuat dalam Borang MP4 disertai pembayaran fi ditetapkan dan hendaklah termasuk yang berikut:

- (a) nombor pendaftaran antarabangsa bagi pendaftaran antarabangsa yang telah dipotong;
- (b) tarikh pendaftaran antarabangsa itu atau tarikh penamaan kemudiannya, di mana-mana terpakai;
- (c) tarikh pada pemotongan pendaftaran antarabangsa itu direkodkan; dan
- (d) tarikh mana-mana keutamaan yang dituntut dalam permohonan antarabangsa dan direkodkan dalam Daftar Antarabangsa, jika terpakai.

(3) Jika permohonan yang difailkan di bawah subperaturan (1) diluluskan oleh Pendaftar, Pendaftar hendaklah menyiarkan hakikat itu dalam Jurnal.

(4) Dalam memfailkan permohonan itu di bawah subperaturan (1), pemegang itu hendaklah memfailkan dengan Pendaftar suatu alamat bagi penyampaian di Malaysia dengan melantik dan memberi kuasa kepada ejen.

(5) Pemegang di bawah peraturan ini ertinya orang yang menjadi pemegang pendaftaran antarabangsa pada tarikh pemotongannya.

Tarikh pendaftaran cap dagangan yang didaftarkan menurut permohonan transformasi

105. Suatu cap dagangan yang didaftarkan menurut permohonan transformasi hendaklah dianggap sebagaimana ia didaftarkan—

(a) pada tarikh pendaftaran antarabangsa mengikut Perkara 3 (4) Protokol Madrid; atau

(b) jika permintaan bagi peluasan ke Malaysia dibuat selepas pendaftaran antarabangsa, pada tarikh permintaan itu direkod mengikut Perkara 3^{ter} (2) Protokol Madrid.

Tatacara permohonan transformasi

106. (1) Jika pendaftaran antarabangsa yang terlindung menamakan Malaysia menjadi terlindung pada atau sebelum tarikh transformasi, cap dagangan hendaklah didaftarkan di bawah Akta.

(2) Jika suatu pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia tidak dilindungi oleh tarikh transformasi dan butir-butirnya telah disiarkan, Pendaftar hendaklah menganggap —

(a) penyiaran butir-butirnya sebagai penyiaran permohonan transformasi di bawah seksyen 31 Akta;

- (b) apa-apa bingkangan terhadap perlindungannya di bawah peraturan 72 sebagai bingkangan terhadap pendaftarannya di bawah seksyen 35 Akta.

(3) Jika butir-butir pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia belum disiarkan pada tarikh transformasi dan Pendaftar telah memberikan pemberitahuan penolakan, Pendaftar hendaklah bagi maksud permohonan transformasi itu menganggap pemberitahuan penolakan itu sebagai notis bertulis yang dikeluarkan oleh Pendaftar kepada permohonan di bawah subseksyen 29 (5) Akta.

Penggal 5

Penggantian pendaftaran oleh pendaftaran antarabangsa

Kesan pendaftaran antarabangsa jika cap dagangan juga didaftarkan di bawah Akta

107. (1) Peraturan ini adalah terpakai jika—

- (a) cap dagang berdaftar juga merupakan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia;
- (b) tuan punya berdaftar cap dagang itu adalah pemegang pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia;
- (c) semua barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya cap dagangan berdaftar itu dilindungi di bawah pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia; dan
- (d) tarikh pendaftaran cap dagangan berdaftar itu adalah lebih awal dari—

- (i) tarikh yang dinyatakan dalam subperaturan 78 (2) atau (3) berhubung dengan cap dagang dilindungi; atau
- (ii) tarikh pendaftaran antarabangsa yang didaftarkan di Daftar Antarabangsa.

(2) Pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia hendaklah, walaupun subperaturan 78(2) atau (3), dianggap sebagai didaftarkan di bawah Akta pada tarikh pendaftaran cap dagangan berdaftar berhubung dengan semua barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya cap dagangan berdaftar telah didaftarkan.

(3) Bagi maksud menentukan sama ada pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia itu merupakan cap dagangan terdahulu, ia akan dianggap sebagai mempunyai tarikh permohonan cap dagangan berdaftar berhubung dengan semua barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya cap dagangan berdaftar itu telah didaftarkan, mengambil kira, jika sesuai, keutamaan yang dituntut berkenaan dengan cap dagangan berdaftar.

(4) Jika syarat yang dinyatakan dalam subperaturan (1) dipenuhi berhubung dengan suatu cap dagangan, subperaturan (2) dan (3) hendaklah terus terpakai berkenaan dengan pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia yang relevan walaupun cap dagangan berdaftar yang relevan itu telah terhenti daripada pendaftaran di bawah subsekyen 39(10) Akta atau dipotong secara sukarela tetapi terhenti untuk terpakai sekiranya ia, sehingga apa-apa takat, dibatalkan oleh Pendaftar atau Mahkamah atau diisytiharkan tidak sah.

(5) Atas permohonan pemegang pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia pada Borang MP 5 disertai pembayaran fi ditetapkan, Pendaftar hendaklah menyatakan dalam Daftar bahawa pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia menggantikan cap dagangan berdaftar berhubung dengan barang-barang atau perkhidmatan yang berkenaan dengannya cap dagangan berdaftar itu telah didaftarkan.

(6) Jika Pendaftar telah mengambil maklum mengenai pendaftaran antarabangsa, Pendaftar hendaklah memberitahu Biro Antarabangsa dengan sewajarnya.

(7) Permohonan yang disebut dalam subperaturan (5) hendaklah menunjukkan yang berikut:

- (a) nombor pendaftaran antarabangsa yang menamakan Malaysia atau pendaftaran antarabangsa terlindung yang menamakan Malaysia;
- (b) jika hanya beberapa barang-barang atau perkhidmatan yang disenaraikan dalam pendaftaran antarabangsa adalah berkenaan, barang-barang atau perkhidmatan itu;
- (c) tarikh pemfailan dan nombor permohonan negara bagi pendaftaran cap dagangan;
- (d) tarikh pemfailan dan nombor pendaftaran cap dagangan negara;
- (e) tarikh keutamaan, jika ada, pendaftaran cap dagangan negara;
- (f) maklumat yang berhubungan dengan hak-hak lain yang diperoleh melalui pendaftaran cap dagangan negara.

(8) Peruntukan peraturan ini tidak menjejaskan apa-apa hak atau remedi yang diberikan kepada mana-mana orang berkenaan dengan cap dagangan berdaftar itu.

Penggal 6
Peruntukan pelbagai

Komunikasi maklumat kepada Biro Antarabangsa

108. Pendaftar boleh berkomunikasi dengan Biro Antarabangsa apa-apa maklumat yang Malaysia dikehendaki untuk berkomunikasi menurut peraturan-peraturan ini atau menurut Protokol Madrid atau Peraturan-Peraturan Bersama.

BAHAGIAN XI
EJEN

Daftar Ejen Cap Dagangan

109. Daftar Ejen Cap Dagangan hendaklah mengandungi butir-butir ejen seperti yang berikut:

- (a) nama ejen atau nama perkongsian atau pertubuhan perbadanan disertai dengan nama setiap orang yang berhak untuk didaftarkan menurut peraturan 111;
- (b) alamat bagi penyampaian ejen itu;
- (c) butir-butir untuk dihubungi; dan
- (d) tarikh pendaftaran sebagai ejen.

Pendaftaran ejen

110. (1) Suatu permohonan untuk didaftarkan sebagai ejen hendaklah dibuat kepada Pendaftar disertai pembayaran fi ditetapkan.

(2) Pendaftar hendaklah mendaftarkan seseorang sebagai ejen dan mencatatkan namanya dalam Daftar Ejen Cap Dagangan jika orang itu memenuhi kehendak yang berikut:

- (a) sama ada dia seorang warganegara, berdomisil atau pemastautin tetap di Malaysia;
- (b) dia akan beramal sebagai seorang ejen yang perniagaannya didaftarkan di Malaysia;
- (c) dia bukan seorang yang bankrap yang belum dilepaskan;
- (d) dia tidak disabitkan atas suatu kesalahan yang melibatkan fraud, kecurangan, atau apa-apa kesalahan lain di bawah Akta ini;
- (e) dia telah menghadiri semua kursus yang dikehendaki; dan
- (f) dia telah lulus peperiksaan yang dijalankan oleh Pendaftar.

(3) Sebagai tambahan kepada kehendak di bawah subperaturan (2), orang yang memohon untuk didaftarkan sebagai seorang ejen hendaklah memuaskan hati Pendaftar bahawa—

- (a) dia dicatatkan dalam Daftar Ejen Paten yang disenggara menurut peraturan-peraturan yang dibuat di bawah Akta Paten 1983 [Akta 291];
- (b) bahawa dia ialah peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi di Malaya atau peguam bela dan peguam cara Mahkamah Tinggi di Sabah dan Sarawak yang beramal semata-mata di Malaysia;
- (c) memegang ijazah dalam apa-apa bidang pengajian dan mempunyai sekurang-kurangnya dua tahun pengalaman dalam bidang harta industri; atau
- (d) mempunyai sekurang-kurangnya tiga tahun pengalaman dalam bidang harta industri oleh sebab dia seorang bekas pegawai Perbadanan.

(4) Bagi maksud perenggan 3(b) dan (c), pemohon hendaklah mengemukakan bukti yang dikehendaki pada masa pemfailan permohonan di bawah subperaturan (1).

(5) Dalam meluluskan permohonan pemohon di bawah subperaturan (1), Registrar boleh menghendaki bukti lanjut perkara-perkara yang dinyatakan di perenggan 3(b) dan (c) melalui pengeluaran notis bertulis oleh Pendaftar dan pemohon itu hendaklah memberikan maklum balas dalam tempoh yang dinyatakan dalam notis bertulis itu.

(6) Jika pemohon itu gagal untuk memberikan maklum balas notis bertulis itu sebagaimana yang dinyatakan di bawah subperaturan (5), permohonan di subperaturan (1) hendaklah disifatkan ditarik balik.

(7) Pendaftar hendaklah tidak membenarkan pelanjutan masa untuk melanjutkan tempoh sebagaimana yang dinyatakan dalam notis bertulis di bawah subperaturan (5).

(8) Walau apa pun kehendak untuk lulus peperiksaan yang dinyatakan di bawah perenggan (2)(f), Pendaftar boleh mengenyepikan kehendak itu jika dia telah lulus peperiksaan ejen paten menurut peraturan 45D Peraturan-Peraturan Paten 1986 [P.U. (A) 327/1986].

(9) Pendaftar, setelah berpuas hati bahawa pemohon layak untuk didaftarkan dalam Daftar Ejen Cap Dagangan, hendaklah mendaftarkan pemohon bagi suatu penggal yang akan tamat pada 31 Disember pada tahun itu.

(10) Mana-mana orang yang terkilan oleh keputusan Pendaftar di bawah peraturan ini boleh merayu kepada Mahkamah dalam masa satu bulan dari tarikh keputusan itu dikeluarkan.

Perkongsian dan pertubuhan perbadanan boleh didaftarkan sebagai ejen

